



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I **Bil. 2** **Hari Selasa** **18hb Disember, 1990**

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tuan Frankie Chong Yu Chee (Ruangan 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru (Ruangan 1)

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 3)

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah

- Y. B. Tuan Hassan bin Harun

(Ruangan 37)

DN.18.12.90.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 18hb Disember, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Frankie Chong Yu Chee.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi.

Saya berharap semoga Ahli yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"17hb Disember, 1990.

Perutusan daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun); dan
- (2) Rang Undang-undang Perbekalan [Tambahan] 1989 dan 1990 [No.2].

Yang ikhlas,

t. t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT."

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini

- (1) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun); dan
- (2) Rang Undang-undang Perbekalan [Tambahan] 1989 dan 1990 [No.2].

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

LAPANGAN TERBANG BARU - PEMBINAAN

I. Tuan P. Balaram minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah benar Kerajaan hendak membina sebuah Lapangan Terbang baru di negara kita. Jika ya, bilakah pembinaan ini akan dimulakan;
- (b) berapakah kos perbelanjaan yang dianggarkan dan bilakah jangkamasa untuk siap dibina; dan
- (c) apakah kemudahan-kemudahan yang dijangka akan diberikan kepada penumpang-penumpang dan penerbangan-penerbangan asing.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan adalah dalam proses membuat kajian secara teliti terhadap cadangan supaya sebuah lapangan terbang baru dibina untuk menampung keperluan trafik jangkamasa panjang bagi menggantikan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yang sedia ada dijangka akan menghadapi masalah kapasiti saturation, menjelang tahun 1995 dan kemudiannya, walaupun beberapa tindakan untuk meningkatkan kapasiti kemudahan-kemudahan utama dijalankan dalam Rancangan Malaysia Keenam yang akan bermula pada tahun hadapan.

- (b) Oleh kerana cadangan pembinaan Lapangan Terbang Baru itu adalah dalam proses kajian, saya masih belum dapat memberi anggaran kos serta jadual pelaksanaan projek berkenaan.

(c) Sekiranya sebuah lapangan terbang baru dibina untuk menggantikan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang yang sedia ada, segala kemudahan-kemudahan utama seperti landasan terbang, bangunan terminal, menara kawalan dan lain-lain kemudahan akan dirancang diadakan untuk menampung penerbangan-penerbangan domestik dan antarabangsa jangkamasa panjang. Lapangan Terbang Baru ini juga akan dilengkapi dengan berbagai kemudahan serta alat-alat moden setanding dengan Lapangan Terbang Antarabangsa yang lain.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar oleh keranai Lapangan Terbang ini adalah begitu penting untuk menampung kapasiti yang lebih, apakah ada cadangan lain untuk memperbesarkan Lapangan Terbang seperti Senai, Bayan Lepas dan juga lain-lain destinasi yang saya rasa begitu perlu, lebih-lebih lagi pada masa sekarang ini yang mana kita menggalakkan pelancong untuk melawat Malaysia.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, memang ada cadangan-cadangan untuk raeningkatkan kemudahan di semua Lapangan Terbang di negara kita ini dikaji dari semasa ke semasa. Apabila didapati keperluan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan kerana adanya permintaan dan peningkatan trafik udara, ianya akan dilaksanakan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar Lapangan Terbang yang baru akan dibina di Daerah Sepang seperti yang diumumkan oleh Dato' Menteri Besar Selangor?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi saya belum lagi dapat menyatakan sama ada di Sepang atau di mana-mana kerana ada beberapa tempat yang dicadangkan dan kajian terpaksa dibuat di kesemua tempat-tempat ini untuk menentukan tempat yang mana yang paling sesuai iaitu yang pertama sekali ialah kajian tanah.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan pembesaran Lapangan Terbang Pengkalan Chepa akan dilaksanakan setelah berubahnya pentadbiran Kerajaan di negeri itu?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi, apa juga rancangan sekiranya didapati perlu demi kepentingan peningkatan trafik udara ianya akan dilaksanakan dan khususnya mengenai Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat pada masa ini.

KILANG PENAPIS MINYAK PETRONAS

2. **Tuan Ng Peng Hay** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah dijangka siap projek Kilang Penapis Minyak PETRONAS:

- (a) berapakah nilai pelaburan projek tersebut;
- (b) berapa ramai pekerja dapat diwujudkan; dan
- (c) apakah jenis kemudahan intrastruktur yang dirancangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, projek Kilang Penapis Minyak PETRONAS di Melaka dijangka siap keseluruhannya pada pertengahan tahun 1995. Jawapan untuk soalan:

- (a) nilai pelaburan bagi keseluruhan projek Kilang Penapis Minyak PETRONAS di Melaka ini dianggarkan berjumlah \$4.7 ribu juta;
- (b) projek ini akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di peringkat pembinaan dan selepas pembinaan. Adalah dijangkakan sebanyak 4,000 peluang pekerjaan akan diwujudkan di peringkat pembinaan manakala sebanyak 800 tenaga kerja diperlukan untuk mengendalikan kerja-kerja operasi apabila loji tersebut siap kelak;
- (c) berbagai kemudahan infrastruktur seperti jalanraya, bekalan elektrik, air dan kemudahan asas lain telahpun disediakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam mewujudkan peluang pekerjaan dalam projek Kilang Penapis Minyak yang akan diadakan di Melaka ini, macam mana anak-anak Melaka akan dapat memohon untuk mendapatkan peluang menyertai dalam pekerjaan yang diwujudkan?

Yang kedua, saya ingin bertanya sama ada benar kemudahan infra-struktur yang akan disediakan termasuk pembinaan jeti dan juga cadangan untuk memindahkan penduduk-penduduk dalam kawasan yang berdekatan dengan projek ini dengan mewujudkan satu kawasan perkampungan baru.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan untuk soalan pertama itu, saya fikir dairipada segi peluang untuk anak-anak Melaka, apabila pembinaan ini bermula, bolehlah anak-anak Melaka memohon dengan PETRONAS untuk mendapatkan kerja yang terbuka kepada mereka,

Berkenaan dengan pemindahan, saya tidak dapat jawab soalan ini dari segi khususnya. Oleh itu, saya akan memberi jawapannya secara bertulis.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, berapakah jumlah wang yang dapat dijimatkan dalam setahun apabila kilang ini bertungsi dan sejak krisis Teluk berapakah penambahan nilai wang dan tong minyak yang dieksport oleh Malaysia?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan tadi berkenaan dengan jumlah tambahan hasil itu tidak bersangkutan-paut dengan soalan ini. Tetapi untuk pengetahuan, kita akan mendapat lebih kurang \$2.3 bilion sebagai hasil tambahan akibat daripada krisis Teluk ini.

PELANCONG MELALUI TAMBAK JOHOR BAHRU

3. Jen(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan berapa banyakkah pelancong-pelancong ke negara kita yang betul-betul datangnya dari negara Singapura melalui Tambak Johor Bahru. Sekiranya angka pelancong-pelancong dari Singapura itu adalah jumlah yang terbesar sekali di antara jumlah pelancong-pelancong dari negara-negara lain, adakah kemungkinan Kerajaan akan menekan dan menumpukan dengan maksima segala tarikan termasuklah bantuan wang dari Kerajaan Pusat, ditumpu kepada kawasan di Johor Bahru khususnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada maklumat terkini yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen yang meliputi tempoh dari Januari hingga November 1990 adalah dianggarkan bahawa sejumlah 3,878,796 orang pelancong Singapura telah melawat Malaysia. Selain dari itu, adalah dianggarkan seramai 668,547 orang pelancong asing bukan rakyat Singapura telah memasuki Malaysia melalui Tambak Johor. Dengan ini bermakna jumlah pelancong yang datang dari/atau melalui Singapura adalah 4,547,343 orang.

Kerajaan, melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) serta Kerajaan Negeri Johor memang memberi tumpuan di dalam membangunkan kawasan negeri Johor terutama Johor Bahru sebagai kawasan tarikan pelancong memandangkan kedudukannya yang strategik sebagai salah satu pintu masuk pelancong ke negara ini.

Beberapa projek pelancongan telahpun dirancang di bawah Rancangan Malaysia Keenam yang mana pada masa ini masih di dalam pertimbangan Kerajaan. Dalam pada itu, Kementerian dan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) juga telah memberikan sumbangan kewangan untuk menjayakan aktiviti-aktiviti pelancongan di Johor Bahru sempena Tahun Melawat Malaysia bagi menarik pelancong-pelancong ke negeri Johor terutama Johor Bahru.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah angka-angka yang diberikan oleh Kerajaan itu termasuk angka-angka rakyat Singapura yang datang hari-hari yang datang makan, beli petrol dan balik esok dan sebagainya?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang saya berikan tadi adalah berdasarkan kepada kajian kita. Jika kita lihat dari segi kedatangan ataupun pelawat-pelawat ke Malaysia, ianya adalah lebih dari itu. Tetapi setelah membuat kajian kita hanya menggunakan dari seluruh jumlah pelawat-pelawat yang datang ke Malaysia iaitu 36.3% sahaja daripada jumlah besar kita anggap sebagai pelancong. Ini berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah kita buat. Jadi, itulah kedudukannya sekarang. Kalau kita tengok angka pelawat memanglah lebih daripada itu. Maksudnya 63.7% lagi adalah pelawat biasa ataupun day-trippers serta pelawat yang berulang-alik.

Jen(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, adakah rancangan Kerajaan untuk menggalakkan pelancong-pelancong dalam negeri atau, dengan izin, inter-state? Maksud saya kalaulah pelancong-pelancong dari luar negeri tidak lagi ingin datang ke mari dan angka yang disebut itu berkurangan, yang boleh diharapkan oleh peniaga-peniaga ini tentu sekali ialah pelancong-pelancong dalam negeri. Adakah rancangan seperti ini?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam matlamat pelancongan negara kita, yang pertamanya kita ingin memastikan lebih ramai pelancong datang ke negara kita dari luar negeri, menginap lebih lama di dalam negara kita dan berbelanja lebih lama. Di samping itu kita juga mengharapkan supaya pelancong-pelancong dalam negeri melancong di dalam negeri sendiri dan tidak melawat keluar negeri. Sebab itulah kita mengadakan berbagai-bagai aktiviti di dalam negeri kita dan meningkatkan

penghebahan ataupun maklumat mengenai produk-produk pelancongan di dalam negara kita yang boleh kita nikmati sendiri, tidak payah kita ke luar negeri. Ini kita menggunakan melalui media-media massa.

Di samping itu, kita juga ada sebenarnya menggalakkan pakej-pakej lawatan di dalam negeri seperti "Great Value Holiday" yang dianjurkan oleh beberapa agensi-agensi pelancongan di samping bantuan-bantuan daripada Kementerian-kementerian lain untuk menjayakan pelancongan. di dalam negara kita dengan memberi kemudahan-kemudahan pengangkutan dan sebagainya.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedia maklum bahawa pintu masuk selatan ialah dari Johor Bahru dan begitu sesak untuk laluan hari-hari. Kita difahamkan juga ada satu laluan pelancong akan dibangunkan antara Changi di Singapura dan Tanjong Belungkur iaitu projek pengkalan feri. Saya difahamkan bahawa projek ini telah diurakan sejak tiga tahun yang lampau tetapi masih lagi tidak diusahakan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bilakah projek feri Tanjong Belungkur ini dapat disiapkan?

Yang kedua, adakah Kerajaan memikirkan beberapa laluan lagi untuk masuk ke negeri Johor khususnya untuk menggalakkan para pelancong?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi sebenarnya mungkin bukanlah di bawah bidang Kementerian saya tetapi kita memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak berkenaan yang membangunkan, terutamanya seperti perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Walau bagaimanapun, dalam program ataupun projek-projek yang kita rancang seperti yang saya sebutkan tadi di dalam Rancangan Malaysia Keenam di mana kita akan mengadakan seperti program pemeliharaan, pemukaran tinggalan sejarah, kemudian program pengindahan dan kebersihan tempat-tempat pelancongan. Di samping itu, kita juga menjalankan kajian-kajian di kawasan yang berkenaan supaya kita dapat melaksanakan produk-produk pelancongan dalam Rancangan Malaysia Keenam dengan lebih berkesan lagi. Jadi, kita harap apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu akan diambil perhatianlah terutamanya oleh Kementerian yang terlibat dalam soal tersebut ataupun pihak-pihak yang berkenaan. Ini termasuk juga kadang-kadang dari segi penyediaan produk-produk pelancongan, pihak swasta sendiri, bukan pihak Kerajaan sahaja.

KRISIS TELUK - PENDIRIAN MALAYSIA

4. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:
- (a) sama ada Kerajaan Malaysia akan memberi sokongan atau tidak kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu sekiranya penggunaan kekerasan diluluskan untuk menyelesaikan krisis Teluk; dan
 - (b) jika ya, berikan sebab.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Malaysia telah menyokong Resolusi 678 di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu pada 29hb November tahun ini. Resolusi itu meluluskan penggunaan kekerasan terhadap Iraq sekiranya Iraq tidak berundur dari Kuwait pada atau sebelum 15hb Januari, 1991.
- (b) Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah menjelaskan pendirian Malaysia terhadap Resolusi 678 dalam ucapan beliau di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu di New York pada 29hb November, 1990. Sokongan Malaysia kepada Resolusi 678 adalah berasaskan kepada pendirian teguh kita dalam mendokong prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu untuk menjamin keamanan dan keselamatan antarabangsa dan menentang penggunaan kekerasan dalam menyelesaikan persengketaan di antara negara. Malaysia juga berpendapat bahawa sesebuah negara luar tidak harus campurtangan dan menceroboh ke dalam sempadan negara yang lain. Berasaskan hakikat ini, Malaysia telah berkali-kali mengutuk pencerobohan Russia ke atas Afghanistan dan juga Amerika Syarikat ke atas Panama dan Grenada. Mengenai krisis Teluk pula, kita tidak boleh berdiam diri, malah harus menyuarakan tentangan kita terhadap pencerobohan Iraq di atas Kuwait dan menggesa Iraq berundur segera daripada

bumi Kuwait.

Sebagai ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia mempunyai tanggungjawab bersama untuk mendokong peranan Majlis dalam jaminan serta menegakkan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Kedegilan Iraq untuk mematuhi kesemua resolusi Majlis Keselamatan yang telah diluluskan mengenai krisis Teluk adalah dipandang berat oleh Majlis Keselamatan. Oleh kerana itu, adalah penting agar perpaduan dijalinan di kalangan ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu bukan sahaja untuk memaksa Iraq berundur sepenuhnya dari bumi Kuwait tetapi juga berusaha mengembalikan teraju pemerintahan Kuwait kepada kerajaan sahnya. Sungguhpun begitu Malaysia masih mengharapkan penyelesaian damai terhadap krisis Teluk dan sedang berusaha dengan sedaya upaya di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mencapai matlamat agar keamanan dapat dikembalikan di kawasan Teluk tanpa penggunaan kekerasan. **[Tepuk]**

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya berlaku benar-benar kekerasan bagi menyelesaikan masalah krisis Teluk ini, apakah jenis-jenis bantuan atau sokongan yang diberi oleh Kerajaan Malaysia kepada khidmat Bangsa-bangsa Bersatu ini atau hanya memadai dengan menyebut sokongan sahaja atau memberi bantuan seperti air sejuk, ubat-ubat dan tentera dan lain-lain?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Malaysia akan menimbang sekiranya pihak Bangsa-bangsa Bersatu meminta kita untuk berbuat sesuatu.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri menjelaskan macam mana kedudukan status Kedutaan Kuwait yang ada di dalam negara kita ini?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia masih lagi mengiktirafkan Suruhanjaya Kuwait ke Malaysia. Maka pejabatnya masih dibuka dan Duta serta kakitangan masih lagi bertugas di Kedutaan Kuwait di Kuala Lumpur.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA - PERANAN

5. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan tiada lagi ancaman bersenjata komunis di negara ini, apakah peranan ATM kepada pembangunan dapat ditingkatkan:

- (a) adakah ATM masih menjalankan usaha membantu penduduk luar bandar dan kampung tradisi membina jalan, jambatan dan lain-lain; dan
- (b) apakah program pendekatan ATM dengan rakyat dirancang bagi masa-masa akan datang.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, dengan perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya ataupun PKM bukanlah memaksud Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak lagi perlu mendokong peranan pertahanan. Peranan utama Angkatan Tentera adalah mempertahankan kedaulatan negara dan sebarang ancaman sama ada dari dalam ataupun dari Luar negara. Dengan perletakan senjata PKM itu kini, Angkatan Tentera Malaysia dapatlah mengerahkan sepenuh masa di antara lain berlatih untuk peranan mutlak ini. Salah satu peranan sampingan ATM adalah membantu Kerajaan dalam pembangunan negara terutamanya di luar bandar. Peranan ini akan diteruskan.

Bagi mendekatkan Angkatan Tentera Malaysia kepada rakyat, ATM telah memulakan satu program yang diberi nama "Tentera Masuk Desa" yang dilancarkan sejak bulan September 1990. Program yang merupakan serampang dua mata ini adalah bertujuan untuk merapatkan silatur-rahim di antara ATM dengan rakyat dan juga sekaligus membantu Kerajaan dalam pembangunan negara. Ini akan dilaksanakan seiringan dengan jentera-jentera pembangunan Kerajaan.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri iaitu ekoran daripada bahang kepanasan peperangan yang berlaku di Teluk Pasir, adakah kita bercadang akan menambah atau memperbesarkan anggota ATM kita?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dari masa ke semasa Kerajaan akan mengkaji kedudukan pembesaran Angkatan Tentera ini. Tetapi khusus berkenaan dengan soalan ini kita tidaklah menimbangkan krisis Teluk ini untuk mengadakan apa-apa tindakan untuk membesarkan Angkatan Tentera kita.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebaik sahaja Komunis telah senyap, apakah Kerajaan memikirkan tidak ada lagi ancaman yang sebahaya dengan komunis berlaku di negara kita ini?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ancaman komunis ini adalah salah satu daripada ancaman keselamatan negara. Ada banyak lagi ancaman-ancaman yang lain sama ada dalam negara ataupun dari luar negara kita. Oleh sebab itu, Kerajaan, khususnya Kementerian Pertahanan, memandang soal perletakan senjata oleh PKM ini sebagai satu perkara yang lain. Tugas utama ATM untuk mempertahankan kedaulatan negara ini akan terus dipertingkatkan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini ada berkaitan dengan ATM iaitu berhubung dengan pengumuman Menteri baru-baru ini berkenaan dengan pembelian kapal selam. Apakah rasional sebenarnya yang kita hendak membelinya? Apakah kemungkinan ada ancaman luar yang berikutan daripada keputusan ini?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai kawasan perairan yang luas, terutamanya kawasan EEZ yang perlu kita kawal. Oleh sebab itu, Kerajaan bercadang untuk membeli kapal selama ini untuk mengukuhkan pertahanan kita terutamanya mengawal kawasan EEZ, selain daripada tugas-tugas pertahanan yang lain seperti membuat kajian berkenaan dengan dasar lautan yang penting untuk data-data yang diperlukan oleh Tentera Laut. Jadi, pembelian kapal selama ini adalah sangat mustahak kepada Angkatan Tentera, khususnya Tentera Laut kita.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Pertahanan. Sebagaimana Yang Berhormat telah menjelaskan tadi iaitu ada program Tentera Masuk Desa. Saya ingin tahu bagaimanakah cara-cara program ini dijalankan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Tentera Masuk Desa ini ialah satu projek kemasyarakatan oleh Angkatan Tentera, sebabnya saya sudah sebutkan tujuannya. Dianya adalah projek-projek yang meliputi projek-projek pembangunan luar bandar, projek kemasyarakatan, mengajak masyarakat sama-sama menbangunkan kampung dan desa, mengadakan projek-projek pertanian bersama, projek-projek pembangunan kecil, pembinaan dan sebagainya.

Projek-projek ini akan diselaraskan dengan jentera-jentera Kerajaan yang lain. Kalau di negeri-negeri, ini akan melalui Pejabat Menteri Besar negeri masing-masing.

DASAR NISBAH ASKAR TETAP/ASKAR SUKARELA

6. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Pertahanan menyatakan tentang kedudukan pelaksanaan dasar nisbah satu askar tetap dan tiga askar wataniah (sukarela).

19.12.90

18. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Pertahanan menyatakan tentang sejauhmanakah sokongan pihak swasta terhadap program nisbah di atas satu askar tetap dan tiga askar wataniah (sukarela)

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan pada 19.12.90 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Shuib bin Endut juga pada hari besok, kerana kedua-dua soalan ini adalah merupakan soalan yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan belum menetapkan dasar nisbah askar tetap dan askar sukarela. Memandangkan tiada dasar yang ditetapkan lagi, maka perkara penglibatan dan sokongan pihak swasta tidak timbul.

JAMBATAN DI JALAN BESAR SUNGAI TONG TERBENGGALAI

7. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah masalahnya sehingga kini yang menyebabkan dua buah jambatan di Jalan Besar Sungai Tong, Setiu Terengganu tidak siap dan terbengkalai.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya projek berkenaan tidak terbengkalai, akan tetapi prestasi perlaksanaannya tidak begitu memuaskan disebabkan oleh beberapa masalah seperti berikut:-

- (a) Kerja-kerja pembinaan jalan lencongan telah lewat disiapkan;

- (b) Kontraktor tidak mempunyai pengalaman yang cukup dalam projek pembinaan jambatan. Projek pembinaan jambatan ini merupakan projek yang pertama dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan;
- (c) Masalah teknikal di tapak seperti pengalihan beberapa kemudahan awam seperti paip air dan tiang elektrik, di samping cuaca buruk juga telah menyebabkan kelewatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan David Yeoh Eng Hock.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

ROMPAKAN DI SEKITAR PERAIKAN SABAH

8. **Puan Law Jack Yoon (di bawah S.O. 23(2))** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak polis untuk melindungi nelayan-nelayan kita dari dirompak dan dibunuh di laut memandangkan kejadian-kejadian ini semakin meningkat di sekitar perairan Sabah baru-baru ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, masalah kejadian rompakan di sekitar perairan Sabah memang diberi perhatian berat oleh pihak Polis. Kawasan-kawasan perairan Sabah yang telah diberi tumpuan utama dan dikenalpasti sebagai kawasan-kawasan yang sering diancam oleh perompak-perompak adalah seperti berikut:-

- (a) Perairan Kudat;
- (b) Perairan Sandakan;
- (c) Perairan Lahad Datu;
- (d) Perairan Semporna; dan
- (e) Perairan Tawau.

Pihak Polis khususnya Polis Merin dari masa ke semasa sentiasa bertindak dengan rnengadakan rondaan-rondaan dan operasi-operasi di sepanjang perairan Sabah yang bertujuan bukan sahaja untuk melindungi nelayan-nelayan tetapi juga sebagai satu usaha untuk membanteras kegiatan perompak-perompak. Hasil dari tindakan-tindakan yang telah dijalankan oleh pihak Polis, kedudukan rompakan telah berkurangan dan terkawal. Dakwaan bahawa kejadian rompakan , di perairan Sabah semakin meningkat tidaklah benar. Perangkaan kes rompakan yang berlaku ialah 35 kejadian dalam tahun 1988, 29 dalam tahun 1989 dan 23 sahaja dalam tahun 1990.

PERMIT BAS KILANG

9. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa banyak permit bas kilang dikeluarkan di seluruh negara:

- (a) permit untuk bas kilang di Melaka;
- (b) adakah permit yang telah dikeluarkan benar-benar digunakan untuk mengangkut pekerja kilang; dan
- (c) adakah van jenis C20 diluluskan untuk permit tersebut .

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah lesen bas kilang yang dikeluarkan di seluruh negara sehingga akhir September, 1990 ialah sebanyak 3,506 lesen. Bagi menjawab soalan:

- (a) Jumlah lesen bas kilang yang dikeluarkan untuk negeri Melaka ialah 204 lesen;
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua lesen bas kilang yang dikeluarkan adalah untuk tujuan membawa atau mengangkut pekerja-pekerja kilang sahaja. Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 sekiranya lesen-lesen tersebut digunakan untuk tujuan lain.

- (c) Kenderaan yang boleh dijadikan bas kilang hendaklah mempunyai had muatan penumpang tidak kurang daripada lapan orang termasuk pemandu. Oleh itu van jenis C20 yang boleh membawa lapan orang penumpang ke atas boleh dilesenkan sebagai bas kilang. Kenderaan yang dilesenkan sebagai bas kilang hendaklah ditulis perkataan "BAS KILANG" pada kedua-dua belah dinding bas mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

KAMPUNG BARU - PERTUKARAN NAMA KEPADA "KAMPUNG"

10. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan:-

- (a) Jumlah kampung-kampung baru yang sedia ada terbabit dalam pertukaran nama dari 'kampung baru' kepada 'kampung';
- (b) jumlah peruntukan kewangan yang akan diberi kepada 'kampung-kampung baru' setelah namanya ditukar kepada 'kampung' dan
- (c) sama ada peruntukan kewangan untuk kampung-kampung tersebut akan bertambah dari segi peratusannya atau hanya sekadar pertambahan dari segi peningkatan nilai kadar peruntukan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. Ting Chew Peh]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi teori, kesemua 452 buah kampung baru di Semenanjung Malaysia adalah terbabit dalam pertukaran nama dari 'kampung baru' kepada kampung atau nama-nama yang sesuai. Namun demikian, setengah-setengah kampung baru yang telah ditukarkan nama tidak perlu lagi berbuat demikian. Dalam proses pertukaran nama itu, nama asal sekiranya didapati sesuai boleh dikekalkan dengan menggugurkan istilah 'baru' sahaja .

Bagi menjawab soalan (b) dan (c) sukacita saya memaklumkan bahawa semua kampung, tidak kira kampung baru atau kampung tradisional, yang memerlukan peruntukan pembangunan akan diberi pertimbangan yang adil dan saksama rnengikut keperluan serta keutamaan setempat. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan yang dipohon bagi pembangunan kawasan-kawasan ini dalam Rancangan Malaysia Keenam sedang dalam pertimbangan Kerajaan.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bersetuju dengan pendapat saya bahawa pembangunan di kampung-kampung baru dahulu adalah lebih baik daripada pembangunan yang ada di kampung tradisional dan dengan banyaknya kemudahan diberi kepada kampung-kampung baru tersebut, namun demikian, penduduk-penduduk kampung baru ini tidak mahu menerima dengan memberi sokongan kuat kepada pimpinan Kerajaan?

Dr. Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sokongan kepada Kerajaan dengan masalah pembangunan itu tidak semestinya ada kaitan. Tetapi tentang perbandingan itu, saya rasa sukar bagi kita membandingkan kedua-dua kawasan itu kerana ada setengah kampung baru itu mungkin ada kemudahannya yang agak baik, dan ada yang lain yang kurang baik. Demikian juga di kawasan luar bandar, iaitu di kampung tradisional, ada yang lebih baik infrastrukturnya dan ada yang kurang baik.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada Menteri menyedari bahawa kebanyakan kampung-kampung baru yang sepatutnya didiami sebagai kampung, tetapi sebenarnya separuh daripada bahagian-bahagian kampung telah menjadi kawasan perusahaan dan perindustrian. Sekiranya ini benar-benar berlaku, apakah tindakan Kementerian terhadap perusahaan-perusahaan dan kilang-kilang di kawasan-kawasan kampung baru ini.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, disetengah-setengah kampung-kampung baru itu ada industri-industri kecil bukan perusahaan yang besar, industri kecil itu memang ada.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan, adalah selepas 452 kampung baru yang telah diubahkan namanya sebagai kampung, mereka di bawah jagaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Adakah mereka diberikan peruntukan mengikut budget tahun hadapan ini, di bawah peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya selepas nama kampung itu ditukar, maka peruntukan itu akan diberikan berdasarkan kepada sesuatu projek di mana terletak kampung-kampung itu. Kalaulah kampung itu masih terletak di bawah bidanguasa Pihak Berkuasa Tempatan, maka peruntukan itu akan diberi di bawah sektor bandar. Dan kalaulah kampung itu di luar Pihak Berkuasa Tempatan iaitu di kawasan luar bandar, maka peruntukan itu akan diberikan oleh Kementerian luar Bandar.

PROJEK MEMBANTU RAKYAT MISKIN

11. Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapa jomlah peruntukan yang telah dikeluarkan bagi projek membantu rakyat miskin membina rumah.

- (a) jumlah rakyat yang terlibat mengikut negeri; dan
- (b) golongan manakah yang terlibat mengikut peratus seperti petani, nelayan dan lain-lain.

Timbalan Menteri Pembangunan luar Bandar [Tuan Mohd. Yassin bin Kamari] : Tuan Yang di-Pertua, Program Pemulihan Rumah untuk membantu golongan termiskin telah dimulakan pada bulan September 1989 dan meliputi projek-projek membina semula dan membaikpulih rumah. Peruntukan yang disediakan untuk melaksanakan program ini pada tahun 1989 dan 1990 ialah sebanyak \$51,746,000.

Bagi soalan (a), untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan rumah yang telah mendapat faedah daripada pelaksanaan Program ini mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan yang mendapat faedah _____sehingga tahnn 1990_____
Johor	774
Kedah	2,883
Kelantan	2,807
Melaka	2,196
Negeri Sembilan	1,880
Pahang	611
Pulau Pinang	495
Perak	3,655
Perlis	45
Selangor	680
Terengganu	1, 268
Sabah	891
Sarawak	91
Jumlah	18 ,276

Mengenai soalan (b) pula, berdasarkan kepada maklumat yang ada, golongan petani dan nelayan adalah merupakan golongan yang menjadi sasaran utama untuk Program ini.

Perangkaan 1990 yang diperolehi dari negeri-negeri mengenai kategori golongan termiskin yang mendapat faedah dari program ini kebanyakannya memanglah terdiri dari kaum tani dan nelayan. Misalnya, di negeri-negeri berikut pecahannya adalah:

KATEGORI

NEGERI	Petani	Nelayan	Lain-lain
Pahang	70 %	20 %	10 %
Perak	74.7%	3.2% '	22.1%
Terengganu	70 %	10 %	20 %
Sabah	76.4%	23.6%	0 %

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah cadangan untuk menggabungkan pekerja-pekerja ladang di dalam projek ini?

Tuan Mohd. Yassin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diperjelaskan tadi semua pembangunan yang melibatkan luar bandar adalah merupakan tanggungjawab kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan akan diberikan perhatian serta pengagihan secara adil kepada sektor-sektor yang terlibat.

SAHAM - PENJUALAN KEPADA RAKYAT ASING

12. **Tuan Haji Dol bin Dollah** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan Kerajaan supaya rakyat asing tidak membolot penjualan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur kerana bara-baru ini Kerajaan telah memperuntukkan 2.5% juta saham dijual kepada rakyat asing.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rakyat asing tidak boleh menguasai pegangan saham dalam sesuatu syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur kerana peraturan yang sedia ada menghadkan pegangan mereka iaitu tidak melebihi 30%.

Garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing juga menghendaki pegangan saham oleh rakyat asing membuat pengumuman setelah pegangan mereka mencapai nilai sebanyak \$5 juta.

Selain daripada itu, ada syarikat-syarikat yang menetapkan had maksimum pegangan rakyat asing di dalam tataurusan syarikat. Setiausaha Syarikat tidak akan mendaftarkan sijil-sijil saham atas pegangan rakyat asing jika pegangan mereka melebihi had pegangan yang ditetapkan itu.

DASAR BELIA NEGARA - KAJIAN

13. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji dan mengemaskini Dasar Belia Negara kerana melihat kepada *realiti* yang wujud di mana peratusan para belia yang mengalami kerosakan moral adalah tinggi.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Haji Annuar bin Musa]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kementerian untuk mengkaji dan mengemaskini Dasar Belia Negara bukan semata-mata kerana menyedari hakikat adanya peningkatan masalah moral yang dihadapi oleh para belia tetapi lebih merupakan sebagai suatu pendekatan untuk menyusun perancangan dalam kegiatan belia secara lebih sistematik dan lebih teratur.

Sebenarnya, Kementerian Belia dan Sukan bercadang untuk mengkaji Dasar Belia Negara ini dalam perspektif untuk melihat keberkesanan pelaksanaannya dan dengan itu Kementerian telahpun membentuk sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin belia, wakil-wakil institusi pengajian tinggi, Jabatan-jabatan, Kementerian-kementerian yang mempunyai kaitan dengan latihan belia secara keseluruhannya.

Daripada kajian ini adalah diharapkan kita akan dapat membentuk suatu rancangan latihan jangka panjang bagi mewujudkan golongan belia yang lebih berdisiplin, berperwatakan mulia, bertanggungjawab, berkemahiran, mempunyai daya keusahawanan yang tinggi serta menjadi warganegara muda yang boleh menyambung kepimpinan negara di masa akan datang.

BELIA - KURSUS KEPIMPINAN

14. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah kursus kepimpinan yang dirancangan pada tiap-tiap tahun dan berapakah jumlah belia yang menyertainya. Adakah program khas yang dijadualkan kepada pemimpin-pemimpin belia masa kini supaya menjadi pemimpin negara masa depan.

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, bagi melahirkan masyarakat belia yang berorganisasi dan mempunyai kepimpinan yang matang, setiap tahun Kementerian Belia dan Sukan melalui Bahagian Belia telah melaksanakan berbagai Kursus Kepimpinan. Contohnya sejak tahun 1985 bilangan kursus dan peserta adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah Kursus	Jumlah Peserta ____(orang)
1985	225	12,574
1986	250	15,495
1987	215	10,303
1988	220	11,496
1989	210	10,110
1990	210	10,160

Usaha tersebut secara langsung bertujuan untuk melahirkan pemimpin belia yang berkemampuan bagi menjadi pemimpin pelapis di segenap peringkat dalam negara kita.

Pusat Latihan Belia Negara di Peretak merupakan satu institusi latihan yang tertinggi buat masa ini di dalam bidang kepimpinan dan kerja-kerja belia bagi melatih pemimpin-pemimpin pelapis untuk masa-maa yang akan datang. Kursus ini juga dijalankan bukan sahaja di peringkat negeri, tetapi juga ada yang dijalankan di peringkat antarabangsa, dan ini telah dilaksanakan untuk melatih dan memberikan pendedahan terhadap isu-isu dan permasalahan antarabangsa kepada pemimpin-pemimpin dalam negara.

Kursus-kursus ini telah juga disertai oleh negara luar termasuk negara rantau Asia Pasifik, Afrika, Amerika Latin dan Timur Tengah. Hitung panjang lebih kurang 15 buah negara luar menyertai program ini dan setakat ini kira-kira 28 orang menyertainya pada tiap-tiap tahun.

Semenjak tahun 1984 sehingga kini, seramai 218 orang peserta dari luar negara telah mengikuti program tersebut.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan yang telah mempaparkan dan melaporkan begitu banyak Latihan kursus yang telah dijalankan. Soalan tambahan saya ialah adakah kursus-kursus ini yang telah dijalankan dibuat susulan atau follow-up kepada prestasi dan kepada kekesanan dan kepada pengembangannya di kawasan-kawasan setempat di mana pelatih-pelatih itu didatangkan?

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, latihan di sini boleh dibahagikan kepada dua jenis: satu, latihan kepimpinan, yang keduanya, latihan kemahiran. Bagi kedua-dua program ini memang ada tahap-tahap yang berbeza iaitu ada latihan di peringkat kemahiran asas dan ada di peringkat kemahiran tinggi. Follow-up ini bukan sahaja dalam bentuk kursus lanjutan tetapi juga di dalam bentuk memberikan keutamaan dari segi kemudahan pinjaman di bawah program-program yang dianjurkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, buat masa yang akan datang Kementerian bercadang untuk mengemaskinikan lagi sistem rekod ini dengan menyusun pelatih-pelatih dengan menggunakan komputer dan mengikuti perkembangan dan kemajuan mereka dari masa ke semasa.

BADMINTON - PRESTASI PEMAIN

15. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan-rancangan yang khusus untuk meningkatkan prestasi pemain-pemain badminton negara selain dari rancangan-rancangan yang diatur oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

Tuan Haji Annuar bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya mempunyai rancangan yang khusus untuk meningkatkan prestasi pemain-pemain badminton negara dan rancangan itu dilaksanakan bersama oleh Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan serta Persatuan Badminton Malaysia. Rancangan ini melibatkan juga Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan Persatuan Badminton Malaysia. Di antara perancangannya termasuklah:

- (1) Projek Piala Thomas, Piala Uber dan Sukan Olimpik 1992 atau dikenali dengan Program TUO, yang akan dikendalikan bersama oleh Majlis Sukan Negara dan Persatuan Badminton Malaysia.
- (2) Latihan juga dilaksanakan untuk pentadbir dan jurulatih serta pemain dan latihan ini akan dijalankan secara sepenuh masa.

- (3) Memberikan pendedahan kepada jurulatih dan pemain-pemain negara kepada teknik-teknik yang terbaru dan methodology latihan yang baru dan juga memberikan peluang pertandingan di peringkat antara-bangsa.
- (4) Mengambil tindakan ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat badminton di dunia dan termasuklah dengan usaha untuk menubuhkan Akademi Badminton tidak berapa lama lagi.
- (5) Menyediakan program bakat yang bertujuan untuk menambah petnain-pemain muda di seluruh negara dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia.

HARGA BARANG KEPERLUAN - KENALKAN

16. Tuan Haji Dol bin Dolah minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengatasi kenaikan harga barang-barang keperluan harian disebabkan kenaikan harga minyak mentah berpunca daripada krisis Teluk.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan kita untuk mengatasi kenaikan harga barang-barang keperluan harian sama ada ianya disebabkan oleh kenaikan harga minyak berpunca dari krisis Teluk ataupun sebab-sebab lain, wajarlah diingatkan bahawa negara kita mengamalkan Sistem Perdagangan Bebas (Free Enterprise) di mana

harga sesuatu barangan biasanya ditentukan oleh bekalan dan permintaan ataupun, dengan izin, supply and demand, di samping faktor-faktor lain seperti kos pengeluaran, kos pengangkutan, perubahan kadar pertukaran matawang asing dan sebagainya.

Campurtangan Kerajaan dalam menentukan bekalan dan harga barangan adalah pada tahap yang minima sahaja. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa dan terus mengambil langkah-langkah yang berterusan dan berkesan untuk menentukan:

- (a) barang-barang keperluan harian mudah diperolehi di pasaran dengan harga yang munasabah dan berpatutan dalam setiap keadaan; dan
- (b) kenaikan harga barangan hanya dilakukan atas sebab-sebab yang munasabah serta tidak dapat dielakkan dan kadar kenaikannya tidak membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar harga beberapa barang-barang perlu naik dari masa ke semasa disebabkan oleh fakta-fakta yang telah dinyatakan. Kerajaan telah, sedang dan insya Allah, akan terus mengambil berbagai langkah untuk mengatasinya. Bagi barang-barang yang amat perlu seperti beras, gula, tepung gandum, minyak petrol, minyak diesel, minyak tanah, gas petroleum cecair, simen dan bar bulat keluli, Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu.

Dalam menetapkan harga sesuatu barangan, Kerajaan telah mengkaji semua aspek dengan tujuan untuk menentukan harganya munasabah, berpatutan dan tidak menimbulkan apa-apa implikasi yang negatif. Kajian ini dijalankan berterusan dan jika didapati perlu harga

barang-barang ini akan diturunkan. Begitu juga sebaliknya, pemeriksaan berkala ataupun scheduled, dengan izin, dan pemeriksaan mengejut ke atas setiap peringkat perniagaan dijalankan untuk menentukan barang-barang berkenaan tidak dijual dengan harga yang melebihi daripada harga yang ditetapkan.

Bagi barang-barang lain, Kerajaan tidaklah menetapkan harganya. Ianya ditentukan oleh peniaga-peniaga sendiri. Namun demikian, langkah-langkah untuk menentukan peniaga-peniaga tidak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya telah dan akan diambil melalui satu sistem pengawasan berterusan yang meliputi di antara Lain:

- (a) mewajibkan penjual-penjual runcit meletakkan tanda harga pada 111 jenis barang-barang yang dipamerkan untuk jualan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang gagal mematuhi. Tujuan tanda harga ini ialah untuk memudahkan pengguna mengenal-pasti dan membuat perbandingan harga runcit sesuatu barangan. Di samping itu, perubahan harga sesuatu barangan juga akan mudah dikesan;
- (b) mengisytiharkan sebanyak 20 jenis barang-barang perlu sebagai barang kawalan sepanjang masa dan sebanyak 25 jenis lagi barangan sebagai barang kawalan di musim-musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Tujuannya ialah untuk menentukan bekalan barang-barang ini termasuk bahan-bahan mentahna sentiasa mencukupi di pasaran dan secara tidak langsung harganya dapat distabilkan;
- (c) mendapatkan kerjasama pengeluar-pengeluar dan pengimport-pengimport menentukan recommended price, dengan izin, sebagai panduan;

- (d) mengawalselia aktiviti jualan murah;
- (e) mempertingkatkan pemeriksaan dan pengawasan termasuk menggerakkan bilik gerakan di setiap pejabat Cawangan Kementerian bagi memudahkan orang ramai membuat aduan mengenai kenaikan harga dan membolehkan tindakan segera diambil ke atas setiap aduan yang diterima; dan
- (f) seterusnya melaksanakan program mempertingkatkan kesedaran pengguna dan gerakan kepenggunaan yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan mengkaji senarai barang-barang yang diwajibkan diletak tanda harga dan barang-barang kawalan dan akan menambah bilangannya jika didapati perlu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan dijalankan berterusan setiap masa dan pemeriksaan ini termasuk ke atas pasar-pasar malam dan pasar-pasar basah. Dalam tahun 1990 iaitu sehingga 5hb Disember tahun ini, sebanyak 103,979 pemeriksaan telah dibuat di seluruh negara. Pemeriksaan ini telahpun menghasilkan 3,423 kes dengan nilai rampasan berjumlah kira-kira \$1.4 juta.

Pengawasan dan langkah-langkah yang dijalankan ini adalah berkesan dan dapat membendung kenaikan harga yang tidak munasabah dan tidak berpatutan, sungguhpun harga kebanyakan barang tidak dikawal oleh Kerajaan. Jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara lain, harga barang-barang di negara kita adalah rendah. Perlu juga dinyatakan bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan semata-mata tidaklah mencukupi untuk mengatasi kenaikan harga barang-barang keperluan. Para pengguna juga perlu memainkan peranan masing-masing dan hendaklah mengamalkan sikap berjimat-cermat dan membeli barang-barang yang-mustahak sahaja supaya kestabilan harga dapat dikekalkan.

KEWARGANEGARAAN MALAYSIA - BILANGAN

17. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah rakyat negara asing dijadikan warganegara Malaysia mengikut negara di antara tahun 1988 hingga Jun, 1990.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Dalam Negeri, saya ingin menjawab soalan ini menyatakan bahawasanya di antara tahun 1989 hingga Jun 1990 seramai 3,385 rakyat asing telah memperolehi kewarganegaraan Malaysia. Kerajaan tidak menyimpan perangkaan mengikut negara asal mereka.

PEGAWAI KERAJAAN - DISIPLIN DAN MUTU KERJA

18. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minca Perdana Menteri menyatakan apakah program yang dirancangkan/dijalankan kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk meningkatkan disiplin dan meninggikan mutu kerja. Berapa ramaikah pegawai dilatih dalam satu-satu tahun.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menjalankan berbagai tindakan atau program bagi tujuan meningkatkan lagi disiplin dan mutu kerja di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan. Bagi maksud disiplin, Kerajaan antara lain telah memperkenalkan pemakaian tanda nama, melaksanakan kad perakam waktu, menjawabkan pengisytiharan harta dan memperkemaskan tatacara kelakuan dari masa ke semasa.

Bagi tujuan meninggikan mutu kerja, Kerajaan telah melaksanakan berbagai-bagai program. Di antaranya termasuk program meningkatkan mutu kepimpinan dan pengurusan organisasi. Program keberkesanan idea-idea dan sistem-sistem pembaharuan, peningkatan prestasi perkhidmatan kaunter, perwujudan fail meja dan manual prosidur

kerja, program peningkatan produktiviti dan kualiti, program kumpulan meningkat mutu kerja, program meningkatkan keupayaan pentadbiran daerah, program motivasi dan lain-lain lagi.

Bagi maksud latihan, program yang khusus dalam urusan mengendalikan tatatertib telah dijalankan oleh JPA dari masa ke semasa di mana melibatkan Ketua-ketua Jabatan dan pegawai yang bertanggungjawab terus dalam urusan disiplin pegawai dan kakitangan. Bilangan pegawai-pegawai yang telah mengikutinya adalah kira-kira 500 orang setahun di mana kursus ini telah berjalan sejak 5 tahun yang lalu.

Mengenai latihan secara praktik untuk meninggikan mutu kerja, INTAN telah mengendalikan kursus-kursus KMK, kursus produktiviti, bengkel pengurusan masa, kursus peningkatan kemahiran, bengkel pengurusan dan peningkatan kualiti dan lain-lain lagi. Jumlah pegawai yang dilatih dalam setahun adalah dianggarkan lebih kurang seribu orang.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dengar jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri tadi seolah-olah membuktikan tidak langsung ada pegawai Kerajaan yang menyeleweng terhadap dasar Kerajaan kerana diberi latihan mengenai mutu kerja dan disiplin. Saya ingin tahu dari Yang Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak masih ada di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Walaupun mereka telah dilatih secara disiplin, mutu kerja dan sebagainya, tetapi mereka masih tidak sedar yang mereka itu bekerja dengan Kerajaan Barisan Nasional sehingga sanggup seolah-olah menikam balik kepada Kerajaan di dalam pilihan-

raya. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak. Kalau sedar, apakah cara untuk hendak mengatasi masalah pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab ini, yang tidak tahu berterima kasih kepada Kerajaan di mana mereka dapat gaji setiap bulan dan kemudian menikam balik kepada Kerajaan di dalam pilihanraya?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita mempunyai lebih kurang 800,000 kakitangan Kerajaan dan memang Kerajaan sedar akan penglibatan diri mereka sebagaimana Yang Berhormat Senator Azman kata tadi khususnya dalam politik. Kerajaan memang sedar, tetapi tidaklah begitu ramai yang melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan-kegiatan. Kita memang mengharapkan bahawa kakitangan Kerajaan akan terus patuh kepada Kerajaan yang dipilih oleh rakyat semasa Pilihanraya Umum yang lalu, dan seterusnya kepada Kerajaan-kerajaan yang akan dibentuk dari masa ke semasa. Jadi, dalam urusan Kerajaan, kita memanglah memahamkan tanggungjawab kakitangan Kerajaan dan semamangnya kakitangan Kerajaan memahami dasar Kerajaan untuk menjalankan kegiatan dan urusan Kerajaan dengan sempurna. Insya Allah, soal ini akan dijalankan oleh pihak Kerajaan,

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah masa bagi Jawab Mulut. Kita terus pergi ke perkara lain dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 23 adalah diberi di bawah ini]

KRISIS TELOK - PENDIRIAN MALAYSIA

19. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sikap Malaysia tentang krisis Teluk. Dan apakah peranan utama Malaysia untuk menyelesaikan secara aman krisis tersebut.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Jawapan kepada soalan ini telahpun diberi apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah pada 17hb Disember, 1990. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberi itu.

JURURAWAT MELETAKKAN JAWATAN

20. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kesihatan menyatakan tentang kekurangan seramai dua ribu Jururawat pada masa ini:-

- (a) sebab-sebab kekurangan itu;
- (b) tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah itu; dan
- (c) langkah-langkah yang berkesan untuk jangka masa pendek yang diambil oleh Kementerian kerana latihan Jururawat baru mengambil masa dua hingga tiga tahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Ong Ka Ting]:

- (a) Sebab-sebab kekurangan Jururawat adalah:-
 - (i) Sebilangan Jururawat telah meletak jawatan dan bersara pilihan sendiri untuk bekerja dengan hospital dan klinik-klinik swasta.
 - (ii) Pengambilan pelatih-pelatih . Jururawat ke Sekolah-Sekolah Latihan Kementerian telah berkurangan 3-4 tahun yaag lalu semasa negara mengalami kemerosotan ekonomi.

- (b) Kementerian Kesihatan telah merancang beberapa tindakan seperti berikut:-
- (i) Menambahkan bilangan pelatih-pelatih Jururawat ke Sekolah-Sekolah Latihan Kementerian Kesihatan dan juga mencadang pembinaan Sekolah-Sekolah Latihan Jururawat yang baru di bawah Rancangan Malaysia Keenam.
 - (ii) Kementerian Kesihatan juga sedang mempertimbangkan pengambilan semula Jururawat yang telah meletakkan jawatan dan bersara, dan juga pengambilan Jururawat asing secara kontrak sebagai satu langkah sementara untuk menghadapi kekurangan.
 - (iii) Bagi keperluan sektor swasta, Kerajaan juga menyokong usaha hospital-hospital swasta mengadakan kursus-kursus latihan Jururawat untuk menampung keperluan mereka sendiri.
 - (iv) Sebagai langkah sementara, Kerajaan juga mempersetujui permohonan hospital-hospital swasta untuk mengambil Jururawat dari luar negeri.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada langkah-langkah yang tersebut di atas Kementerian Kesihatan sedang berusaha memperbaiki lagi suasana kerja dan peluang kemajuan kerjaya dan latihan Jururawat untuk mendorong mereka terus berkhidmat dengan pihak Kerajaan. Di antara galakan-galakannya adalah:-
- (i) memperluaskan lagi peluang mengikut kursus lanjutan dalam bidang-bidang yang khusus untuk membolehkan Jururawat maju dalam profesyen kejururawatan.
 - (ii) memberi peluang yang banyak untuk menghadiri kursus dan seminar di dalam dan luar negeri.

PENDENGARAN PEKERJA DARIPADA KECACATAN BUNYI BISING

21. **Tuan V. K. Sellapan** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap bunyi yang dikeluarkan oleh jentera-jentera kilang yang mengakibatkan kerosakan anggota telinga dan badan pekerja-pekerja kilang.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]: Untuk melindungi pendengaran pekerja daripada kecacatan disebabkan pendedahan kepada bunyi bising, Kementerian Sumber Manusia telah menggubal dan menguatkuasakan Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Pendedahan Bising) 1989 di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967. Peraturan ini pula berkuatkuasa pada 1 Februari 1989.

Di bawah peraturan ini majikan-majikan kilang dikehendaki memastikan bahawa pekerja-pekerjanya tidak terdedah kepada paras bising melebihi 90 decibel untuk jangkamasa 8 jam waktu kerja. Bagi mematuhi peraturan ini penghuni-penghuni kilang dikehendaki menjalankan pengukuran bising di kilang mereka.

Jika terdapat pekerja-pekerja terdedah kepada bunyi bising melebihi paras yang ditentukan, majikan-majikan kilang dikehendaki mengurangkan paras bising dari jentera atau proses tertentu menggunakan kaedah kejuruteraan atau kawalan pentadbiran atau kedua-duanya sekali, membekalkan peranti-peranti pelindung pendengaran dan menjalankan pengujian audiometrik setiap tahun. Peraturan ini jika dipatuhi sepenuhnya akan melindungi pendengaran pekerja-pekerja dari terjejas disebabkan oleh pendedahan kepada bunyi bising.

Pegawai-pegawai dari Jabatan Kilang dan Jentera dari masa ke semasa sentiasa menjalankan pemeriksaan ke kilang-kilang untuk menguatkuasakan peraturan ini.

DASAR EKONOMI BARU - PENYAMBUNGAN

22. **Tuan Hassan bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah dasar baru penyambung DEB akan diumumkan, dan apakah ia akan mengandungi perubahan-perubahan radikal dan priariti yang berbeza dari DEB.

21.12.90

21. **Tuan Haji Abdul Rashid bin Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan apakah penekanan yang paling asas dalam Dasar Ekonomi Baru yang akan dirumuskan nanti sebagai pengganti Dasar Ekonomi Baru. Perdana Menteri diminta untuk memastikan Dasar Ekonomi yang akan dirumuskan nanti hendaklah benar-benar bersifat Islamic yang dapat membantu golongan miskin.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan spalan-soalan daripada Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail pada 21 Disember, 1990 sekali gus memandangkan soalan-soalan tersebut adalah berkaitan dengan perkara yang sama iaitu mengenai dasar yang akan dilaksanakan bagi menggantikan DEB.

Kerajaan sememangnya telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyemak perlaksanaan DEB dan seterusnya menggubal satu dasar ekonomi selepas 1990. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sidang Dewan Rakyat pada 5 Disember 1990 yang lalu, Kerajaan juga akan mengkaji pandangan ahli-ahli MPEN apabila Majlis tersebut menyampaikan Laporan mereka kepada Kerajaan.

Dengan mengambilkira kemajuan kerja-kerja tersebut, Kerajaan berharap akan dapat membentangkan dasar baru selepas 1990 kepada Dewan ini dalam sidangnya pada tahun depan.

TEMUDUGA MENGAMBIL PEKERJA DARI LUAR NEGERI

23. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah satu peraturan membenarkan pekilang dari negara asing (Singapura) mengadakan temuduga terbuka di negara ini untuk menawarkan kerja di luar negara kepada warganegara kita. Jika benar ada peraturan, adakah Menteri berkenaan sedar tentang adanya temuduga tersebut di hotel-hotel negara kita,

Dato' Lim Ah Lek: Pada masa ini tidak ada peruntukan undang-undang yang menghalang sama ada di negara ini mahupun dari negara-negara luar untuk menjalankan temuduga dengan tujuan mengambil pekerja-pekerja bekerja dengan syarikat mereka. Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 hanya melarang orang perseorangan atau syarikat menjalankan kegiatan pengambilan pekerja sekiranya orang-orang perseorangan atau syarikat itu bertindak sebagai agen atau 'intermediary' di antara pencari kerja dan majikan. Kementerian Sumber Manusia tidak menerima laporan rasmi mengenai majikan-majikan dari luar negeri yang telah menjalankan temuduga-temuduga di hotel-hotel tempatan untuk mengambil pekerja-pekerja untuk bekerja di luar negeri.

USUL

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelapan." [17hb Disember, 1990]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Tong Hiew King menyambung ucapannya.

3.36ptg.

Datuk Tong Hiew King: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi peluang untuk melanjutkan ucapan saya semalam. Walaupun menghadapi cabaran-cabaran sehebat itu, Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad telahpun memperlihatkan kekuatan dan daya melentingnya keteguhan dan ketabahannya untuk memapas serangan-serangan Pembangkang. Namun demikian, keputusan pengundian telah menunjukkan bahawa pengundi-pengundi di bandar-bandar lebih bercondong kepada pihak Pembangkang

kerana perasaan ketidakpuasan. Gejala itu tidak boleh diabaikan. Kerajaan kita terutama parti-parti politik berkenaan harus mengadakan suatu penyelidikan menyelaras, mencari dan mendapatkan sebab-musabab terjadinya kecenderungan itu. Mungkin parti-parti politik itu ada pemimpin atau calonnya ada kelemahan-kelemahan, tetapi tidak boleh mereka itu sahaja disalahkan atau dipertanggungjawabkan bagi kegagalan mereka dalam pilihanraya, lebih-lebih lagi pengundi-pengundi tidak boleh disalahkan. Apa lagi sepertimana Baginda bertitah, kebebasan rakyat membuat pemilihan dalam Pilihanraya Umum merupakan asas demokrasi berparlimen yang diamalkan oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya ini diketengahkan di Dewan yang mulia ini hanya dengan suatu maksud atau harapan iaitu supaya pemimpin kita akan sedar dan berusaha bersama untuk membaiki keadaan saya sebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya mengambil kesempatan ini unruk mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional dan Presidennya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad atas kemenangan cemerlang Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum yang baru lepas. Tidak lupa saya melafazkan tahniah juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dan Yang Amat Berhormat Encik Ghafar Baba yang terus dipilih memegang jawatan Presiden dan Naib Presiden UMNO masing-masing di Perhimpunan Agung UMNO yang baru lepas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penamatan kegiatan bersenjata dan pembubaran Parti Komunis Kalimantan Utara pada Oktober yang lalu maka ancaman bersenjata Komunis telah musnah. Kepujian harus diberi

kepada Angkatan Tentera Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia yang telah memelihara keselamatan negara bersama-sama dengan rakyat yang taat setia. Selama 27 tahun yang lepas ini banyak anggota dari Angkatan Tentera dan Polis DiRaja serta juga orangramai telah mengorbankan nyawa mereka untuk mempertahankan keselamatan negara. Maka saya hendak mengesyorkan kepada Kerajaan supaya di kawasan Lapanganterbang lama Sibu yang akan diubahkan menjadi taman permainan dan tapak pembinaan bangunan Majlis Perbandaran Sibu itu dibina dan didirikan suatu Tugu Peringatan demi untuk memperingati perjuangan mereka sepanjang masa itu. Pembinaan Tugu Peringatan itu juga akan menjadi suatu tanda penghargaan negara terhadap pengorbanan askar-askar, polis dan rakyat yang terbunuh kerana memelihara keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit sebanyak tentang perpaduan kaum. Dalam Titah DiRaja setiap tahun, Kebawah Duli Baginda sentiasa menekankan serta memperingatkan kita akan pentingnya perpaduan kaum dan setiap kali mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Titah Ucapan Baginda, saya juga turut menyeru kepada ahli-ahli politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat supaya jangan membangkitkan sebarang isu atau meluahkan kata-kata yang boleh menimbulkan curiga dan syak-wasangka di kalangan rakyat. Dengan penubuhannya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan dan harus menumpukan perhatian ke arah memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum. Semangat perpaduan, sikap tolong-menolong dan budaya ikram harus ditanam, inculcated in The minds of our people, dengan izin, dan dipupuk melalui, berbagai cara.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Baginda bertitah, perpaduan kaum merupakan intipati yang penting dalam usaha Kerajaan mencapai keamanan,kestabilan dan kemakmuran rakyat yang berbilang kaum dan agama. Tetapi sudah 30 tahun lebih sejak kemerdekaan, soal perpaduan masyarakat masih disebut-sebut dan tetap dititikberatkan. Apa sebabnya? Dalam mana aspekakah kita ada kekurangan perhatian, kencuaian atau kelalaian? Dalam mana bidangkah harus kita berusaha lebih giat lagi? Pada hemat saya:

- (1) Tokok-tokoh politik dan pemimpin-pemimpin masyarakat harus menjadi teladan dalam usaha memupuk perpaduan kaum.
- (2) Kerajaan kita harus mengambil apa-apa juga cara atau langkah untuk menanamkan semangat perpaduan dan budaya Ikram Kepada rakyat .

- (3) Kerajaan kita harus menelaah semua dasar-dasar dan perlaksanaannya dan mengubahsuainya supaya setiap rakyat tidak kira apa suku bangsa dan agamanya boleh bersama-sama menyertai pembangunan nasional dan menikmati hasil pembangunan ini secara adil dan saksama.

Maka saya bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa dari laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara mungkin ada beberapa cadangan yang boleh diterima dan dimasukkan dalam Dasar Ekonomi Baru demi untuk mempergiatkan pertumbuhan ekonomi negara dan memelihara kepentingan dan kesejahteraan rakyat berbagai kaum.

- (4) Perkahwinan campur boleh digalakkan di antara rakyat yang berlainan kaum dan agama. Institusi keluarga semacam ini akan boleh melahirkan satu masyarakat baru yang mana rakyat akan saling memahami dan bergaulan. Pergaulan itu atau ikatan keluarga itu akan secara beransur-ansur mempengaruhi perkembangan pemikiran rakyat. Dengan meluasnya ikatan keluarga itu, pemisahan kaum akan semakin berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad iaitu perkahwinan antara kaum hendaklah diterima dengan hati terbuka. Perkahwinan pasangan berlainan agama, perkahwinan berlainan keturunan kini semakin bertambah. Melalui perkahwinan campur ini kebudayaan dan adat resam sesuatu keturunan dapat dikenali dengan lebih dekat lagi. Perkahwinan campur lebih mudah diamalkan dan diterima sekiranya pasangan-pasangan atau pemuda-pemudi itu terus dibenarkan menganuti dan mengamalkan agama yang mereka memeluk itu.

Sekianlah ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya menyokong Usul menjunjung kasih atas Titah yang dibuat oleh Baginda semasa .Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelapan pada 4hb Disember, 1990.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hajah Rosnah.

3.46 ptg.

Puan Hajah Rosnah binti Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya turut sama membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelapan pada 4hb Disember, 1990.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merangkumi berbagai-bagai aspek pembangunan, ekonomi, Kerajaan dan rakyat. Terutama sekali rakyat telah membuat pilihan dalam pemerintahan demokrasi berparlimen supaya Kerajaan Barisan Nasional terus berkuasa sesuai dengan tradisi membela rakyat. Tahniah diucapkan kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, seorang pemimpin terkemuka yang mengetuai kepimpinan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat telah membuat penilaian dan memilih pemimpin-pemimpin bagi meneruskan kesinambungan kerja supaya banyak lagi pembangunan dapat diteruskan sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Dalam pilihanraya yang baru lalu terdapat cara-cara yang berkesan telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Namun begitu, masih ada ruang yang boleh diperbaiki lagi terutama Daftar Pemilih yang patut disemak semula supaya ianya lebih licin dan teratur pada masa pilihanraya yang akan datang. Dalam keadaan kita

mencapai kemenangan dalam pilihanraya di negeri-negeri, kita juga turut berasa dukacita kepada negeri Kelantan yang telah tewas kepada parti Pembangkang. Walau bagaimanapun, marilah kita berikhtiar dan berusaha supaya Kelantan akan ditebus kembali dalam pilihanraya yang akan datang, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan kaum merupakan faktor yang penting dalam usaha Kerajaan mencapai keharmonian, kemakmuran, keamanan rakyat berbilang kaum dan agama di negara kita. Walaupun Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat diwujudkan dan program-program disusun atur, namun peranan tiap-tiap rakyat individu adalah mustahak supaya peranan ini lebih committed oleh semua pihak.

Adalah diakui bahawa institusi keluarga juga amat penting. Pendidikan kekeluargaan mestilah dipelajari dan diikuti terutama oleh muda-mudi ataupun bakal suami isteri yang akan rnelangsungkan perkahwinan kerana terdapat begitu banyak kes-kes penceraian akibat tidak sefahaman selepas beberapa tahun mengalami alam rumahtangga. Akibat dari penceraian itu, anak-anak yang tidak berdosa menjadi mangsa sehingga terjadi kes-kes dera dan menganiayai kanak-kanak. Perbuatan yang tidak berperikemanusiaan yang amat menyayat. hati ini dilakukan kepada anak-anak yang tidak berdosa oleh keluarga sendiri atau orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Hukuman yang setirnpal patutlah dikenakan kepada yang terlibat.

Kita difahamkan bahawa Pasukan Pelindung Kanak-kanak di peringkat negeri akan ditubuhkan awal tahun hadapan iaitu Jawatan-kuasa yang terdiri dari Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri,

doktor, polis, loyar dan ahli-ahli sukarela. Kita amat rnengalukan Pasukan ini dan berharap supaya kes-kes aniaya kanak-kanak dapat diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Pegawai-pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat patut ditambah memandangkan Jabatan ini berurusan dengan berbagai peringkat manusia yang bermasalah dan perlu kepada pembelaan. Sama ada kepada mangsa-mangsa bencana alam atau kepada mereka yang kurang bernasib baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia yang tercinta ini kita sentiasa peka dan mengucapkan terima kasih kepada Angkatan Tentera dan Polis DiRaja Malaysia yang senantiasa menjalankan tugas bagi menjaga keamanan dan kesejahteraan negara. Mereka menjalankan tugas walaupun menyabung nyawa di sempadan-sempadan negeri dan di negara-negara asing sedangkan kita dapat tidur nyenyak tanpa mempunyai perasaan takut atau bimbang. Kita juga bangga bahawa alat-alat yang moden dan sophisticated seperti Skyhawk-100 dan Skyhawk-200 juga dibeli oleh Kerajaan kita untuk kegunaan mereka. Kita juga tahu bahawa Kerajaan telah memberi pampasan kepada keluarga yang malang. Pegawai-pegawai yang ada pangkat bolehlah dianggap mempunyai gaji yang mencukupi tetapi ahli-ahli biasa atau private yang terdiri dari Polis dan askar ini hendaklah juga diberi elaun atau ganjaran sewa rumah yang mencukupi. Adalah difahamkan bahawa elaun sewa rumah mereka kurang mencukupi terutama kepada mereka yang mempunyai keluarga yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Penswastan yang diamalkan oleh negara kita telah mendapat kejayaan. Dengan ini telah dapat meningkatkan produktiviti di samping mendapat penyusunan yang cekap serta daya saing yang tinggi. Walau bagaimanapun, dasar penswastan ini perlu diberitahu atau diterangkan kepada rakyat supaya dasar ini lebih difahami dan dapat dipraktikkan dengan lebih berjaya dan beroleh kecemerlangan. Pihak perkhidmatan awam selalu berusaha untuk meningkatkan kualiti melalui Gerakan Budaya Kerja Cemerlang. Saya berharap supaya perhatian dan tindakan juga patut diambil terutama masih ada lagi dua negeri yang terpaksa berkongsi Jabatan. Contohnya Negeri Perlis masih berkongsi Jabatan-jabatan berikut iaitu FAMA, FELCRA, Jabatan Ukur dan Pendaftaran Perniagaan dengan Negeri Kedah. Walaupun Negeri Perlis negeri yang kecil tetapi ianya juga sebuah negeri yang perlu diseimbangkan Jabatan-jabatan yang saya sebut di atas.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar- Wanita Negara telah digubal dan saya harap programnya akan sampai di kampung dan di luar bandar kerana wanita merupakan 50% pengundi yang begitu taat setia memenangkan Wakil-wakil Rakyat untuk kestabilan politik negara.

Sejak zaman yang silam lagi, wanita sebagai ibu, isteri dan pencari nafkah telah memberi sumbangan kepada negara. Jadi melalui dasar-dasar yang dibuat itu biarlah ianya pula sampai di luar bandar supaya segala pelajaran, pembelajaran, pendidikan itu dapat dikongsi bersama bukan sahaja oleh wanita-wanita di bandar bahkan kepada wanita-wanita di luar bandar.

Kami telah difahamkan bahawa seorang pegawai wanita akan ditempatkan di tiap-tiap negeri untuk menyelaraskan program-program atau aktiviti-aktiviti wanita. Perkara ini amatlah baik supaya ianya dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk menolong wanita-wanita dari tiap-tiap negeri supaya segala masalah atau apa-apa fikiran dan kebajikan dapat diambil perhatian bagi faedah dan kebajikan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Kerajaan Malaysia dan Tabung Haji yang telah memberi sedikit pampasan kepada keluarga yang malang iaitu jemaah haji di Muasseim yang ditimpa kemalangan. Di antara 143 mangsa kemalangan telah diakui sah meninggal dunia itu terdapat seorang wanita yang diakui oleh suaminya masih hidup. Apakah langkah yang sedang dibuat untuk memastikan wanita itu masih hidup dan dapat balik ke Malaysia. Saya juga ingin bertanya pihak Tabung Haji sudahkah diputuskan rancangan untuk menyediakan satu alat bagi mengenal diri jemaah haji dari Malaysia. Apakah bentuk alat itu? Kita difahamkan bahawa satu kursus diberi kepada bakal-bakal haji kita sebelum mereka pergi ke Mekah untuk menunaikan haji. Saya sarankan juga supaya -bakal-bakal haji itu diperkenalkan kepada kedutaan Malaysia di Arab Saudi supaya dalam keadaan kecemasan mereka akan tahu di manakah yang boleh dapat pertolongan. Dalam kursus jemaah haji juga patut ditekankan kesedaran sivik. Seseorang isteri itu tidak hanya bergantung kepada suaminya sahaja dengan hanya dipimpin oleh suaminya. Tiap-tiap jemaah patut berdikari dan mengambil tahu akan jalan-jalan ke masjid supaya apabila ianya tersesat jalan akan dapat berikhtiar mencari jalan itu

semula. Walaupun perkara ini nampaknya kecil, akan tetapi kerap terjadi kepada jemaah-jemaah haji kita. Dalam keadaan panik seorang wanita atau lelaki akan mengikut sahaja arah yang dibawa oleh seseorang yang mengambil kesempatan pada waktu itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk mencapai ekonomi yang tinggi banyak kilang-kilang perusahaan telah dan akan didirikan di tempat-tempat yang strategik. Saya harap dalam usaha untuk memilih tempat/tapak kilang-kilang itu perkara berikut mestilah diambil kira iaitu pencemaran alam sekitar, kerana ada terdapat kejadian-kejadian yang melibatkan penduduk-penduduk menjadi mangsa pencemaran air, bau yang tidak menyenangkan dan bunyi yang terpaksa ditanggung seumur hidup. Bagaimanakah satu-satu keluarga itu dapat hidup dengan sempurna kalau pencemaran yang saya sebutkan itu senantiasa menjadi gangguan kepada mereka? Walaupun wang itu penting, tetapi perasaan keselesaan hidup adalah lebih mustahak kerana ianya boleh mempengaruhi seseorang itu dalam pekerjaan dan kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, di mukasurat 4 dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berbunyi:

"Sempena Tahun Melawat Malaysia 1990, negara kita telah menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negeri. Pulangan dari industri pelancongan pada tahun ini amat menggalakkan. Bilangan pelancong mengunjungi Malaysia pada 10 bulan yang pertama telah meningkat.

"Adalah menjadi matlamat Kerajaan Beta supaya sektor-sektor pelancongan, kesenian dan kebudayaan akan dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa supaya negara kita lebih menarik kepada pelancong-pelancong."

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan rakyat kita dari masa ke masa senantiasia diminta bekerjasama menjaga tatasusila, kebersihan, keselesaan tempat tinggal dan perhubungan baik di antara pelancong-pelancong. Saya ingin tahu dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, adakah apa-apa garis panduan yang diadakan kepada pelancong-pelancong asing yang datang ke negara kita mengenai dengan pakaian, kemana terdapat di negara-negara asing sebelum seseorang itu menaiki kapal terbang, mereka akan diberi panduan yang ketat mengenai pakaian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti Rancangan Malaysia Keenam, kemajuan ekonomi, dasar jimat cermat, perdagangan antarabangsa, pendidikan, pertanian, dadah, pendidikan rohani dan moral yang mana tidak akan saya sebut satu persatunya, Saya dengan ini menyokong Usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam dua rangkap pantun:

Pasukan silat pergi ke Tanjung,
Dapat hadiah Ampun kurnia,
Raja berdaulat serta disanjung,
Negara terkenal di seluruh dunia.

Muatan sarat di atas para,
Sempat berehat jangan bergaduh,
Tuanku ibarat payung negara,
Tempat rakyat tumpang berteduh.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Habidah binti Jusoh.

4.03 ptg.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama menyokong usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kesembilan, Sultan Azlan Shah di istiadat perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelapan pada 4hb Disember yang lalu di mana sesungguhnya Titah Ucapan itu lengkap, padat dan bernas merangkumi semua aspek yang penting bagi kehidupan, kemakmuran, kestabilan dan kesejahteraan rakyat Malaysia umumnya dan negara khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membahaskan usul Menjunjung Kasih ini, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk sama-sama merakamkan ucapan takziah saya kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharitah Rodziah dan keluarga Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di atas kembalinya ke rahmatuillah bekas Perdana Menteri pertama kita itu pada 6 Disember yang lepas di mana kehilangan Almarhum adalah kehilangan seorang negarawan ulung yang telah memerdekakan negara dan tanahair kita daripada belenggu penjajahan sejak 33 tahun yang lalu dan sama-samalah kita berdoa semoga Allah

mencucuri rahmat ke atas roh Almarhum.

Selain dari itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah di atas perlantikan Tuan Yang di-Pertua selaku Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, menyingkap kembali lembaran-lembaran Pilihanraya Umum yang baru lalu telah memberi kepada Kerajaan Barisan Nasional suatu pengajaran yang berguna di dalam mengatur dan menyusun suatu tugas penting kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan kepada Kerajaan sendiri di mana kita marakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir dan Timbalannya, Yang Amat Berhormat. Encik Ghatar Baba kerana dengan penuh yakin bertungkus-lumus bagi memenangi Pilihanraya yang kelapan di mana Barisan Nasional telah mencapai kemenangan sekali lagi di dalam dekad awal 90an ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sudah menjadi lumrah bahawa Pilihanraya yang baru lalu telah memberikan banyak cara-cara dan ilmu-ilmu baru yang berguna untuk Kerajaan renungi dan fikir bersama. Selain dari perkara-perkara yang menyayat hati yang telah dilakukan oleh golongan-golongan samseng parti Pembangkang dengan menyekat pengundi-pengundi, mengepong rumah-rumah calon, melontar kereta-kereta pengundi dengan batu-batu, merampas kad pengenalan pengundi, mengugut dan berlaku kasar terhadap pengundi-pengundi. Ini semuanya dilakukan oleh parti-parti Pembangkang yang menggelarkan diri mereka orang yang beragama dan melambangkan sebagai pejuang agama.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya dicadangkan supaya diberi kuasa yang seluas-luasnya di masa menghadapi suasana Pilihanraya, Polis dan Tentera sepatutnya diletakkan di bawah kuasa Suruhanjaya Pilihanraya semasa Pilihanraya berjalan dan pegawai-pegawai serta anggota-anggota polis atau polis yang tidak beruniform semestinya diletakkan di tempat-tempat yang sesuai atau di luar-luar tempat mengundi untuk menjaga ketenteraman awam dan keselesaan pengundi yang datang hendak mengundi, supaya jangan ada pula di kalangan parti-parti lain yang juga menubuhkan pasukan samsengnya sendiri bagi bertugas di tempat-tempat penting seperti itu dan bila ini berlaku maka sudah pasti keselesaan Pilihanraya tidak terkawal lagi maka di saat itu barulah pihak polis dan tentera ataupun Suruhanjaya Pilihanraya ingin campur-tangan, maka sudah tidak berguna lagi.

Undang-undang sahaja tidak akan dapat menyekat keburukan sekiranya tidak disertai oleh susunan dan pentadbiran yang cekap dan beramanah. Pepatah Arab ada mengatakan yang bermaksud, "Kebenaran yang tidak disusun dengan rapi itu akan dapat dikalahkan oleh kebatilan yang disusun dan diatur lagi berstrategi".

Tuan Yang di-Pertua, wujudnya demokrasi untuk menjaga kepentingan dan kebebasan umum rakyat sejagat dan kuasa rakyat tidak disekat dan dipersonakan dengan berbagai-bagai cara di dalam menjalankan hak demokrasi. Sebenarnya demokrasi adalah sesuatu yang boleh ditafsirkan dengan berbagai-bagai kerana ianya seperti getah yang boleh ditarik panjang dan dipendekkan mengikut kehendak rakyat. Oleh itu, kuasa atau hak rakyat sepatutnya tidaklah boleh disalahgunakan untuk mencapai maksud yang buruk dan menjatuhkan satu-satu pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya dengan kuasa-kuasanya yang ada perlu dikaji semula dan memberikan kepadanya kuasa yang cukup dan pegawai-pegawai serta kakitangan yang ramai di dalam menghadapi suasana Pilihanraya dan seraasa tidak adanya Pilihanraya atau sebelum Pilihanraya agar segala bentuk penyelewengan Pilihanraya tidak terus berlaku seperti penyelewengan di dalam senarai daftar pemilih sebagaimana yang telah disebut oleh seorang rakan saya tadi yang sengaja dibuat oleh pegawai-pegawai Pilihanraya sendiri atau oleh pihak-pihak yang inginkan kejayaan secara senang tanpa kempen yang berat dan menghabiskan belanja yang banyak.

Begitu juga peraturannya. Peraturan maksima perbelanjaan seseorang calon di dalam menghadapi Pilihanraya sepatutnya dikaji balik kerana jumlah yang ditetapkan itu ialah bagi masa yang terdahulu iaitu sebelum negara mendapat berbagai-bagai punca hasil di mana sekarang pendapatan rakyat telah meningkat. Begitu juga barang-barang pun telah meningkat naik harganya, telah naik beberapa kali ganda jika dibandingkan dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya waktu itu.

Semua wang negara agak berkurangan, harga barang pun murah. Oleh itu dicadangkan di sini supaya Suruhanjaya Pilihanraya mengkaji semula had maksima perbelanjaan bagi seseorang calon di dalam sesuatu pilihanraya kepada yang lebih tinggi dari yang ada sekarang ini sesuai dengan masa kini dan jangkaan 10 tahun yang akan datang agar tidaklah dikata orang membuat undang-undang sebagai menggali lubang untuk diri sendiri terjun di dalamnya atau mencari bahaya yang direka sendiri, sebagaimana firman Allah di dalam Al-Quranul-Karim yang bermaksud, "Janganlah kamu campakkan diri kamu ke dalam kebinasaan".

Tuan Yang di-Pertua, cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi di dalam sesi ataupun dekad 90an ini yang tidak kurang pentingnya untuk kita renungi dan atasi bersama, sebagaimana dalam Titah Ucapan yang berhubung dengan peristiwa terkorbannya jemaah haji kita di Al-Muasssem, Mina. Ini telah memberi suatu bentuk pengajaran kepada pihak yang bertanggungjawab seperti Tabung Haji untuk menyusun suatu langkah yang positif ke arah memberikan peserta-peserta Tabung Haji yang naik ke Mekah dengan bukan sahaja layanan yang baik, tetapi juga keselamatan yang terjamin serta makan minum yang boleh dianggap baik mengikut selera kita, bukannya seperti sekarang dilepaskan kepada jemaah-jemaah sendiri yang kadang-kadang ada orang tengah pula mengambil kesempatan ataupun keuntungan dengan kelemahan pentadbiran Tabung Haji ini, maka orang tengah itu mengenakan berbagai-bagai bayaran kerana kesusahan mereka menjaga jemaah-jemaah haji yang satu angkatan atau serombongan dengan mereka. Apakah tidak boleh pihak Tabung Haji sendiri menubuhkan ketua-ketua

rombongan itu diserapkan kepada Tabung Haji dengan dibayar khas elaun-elaun tertentu kepada mereka agar mereka tidak lagi menyusahkan jemaah-jemaah haji sendiri dengan berbagai-bagai bayaran dan berbagai-bagai janji bagi memenuhi kehendak jemaah, sedangkan pihak Tabung Haji tidak langsung mengambil tahu jemaah-jemaah yang sebegitu, sama ada berada di Mekah ataupun di Madinah, tetapi sewaktu berada di Padang Arafah dan di Mina, pihak Tabung Haji nampaknya amat mengambil berat dan jemaah-jemaah banyak berterima kasih kepada pihak Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tahun ini jemaah yang akan ke Mekah berkurangan, mungkin kerana krisis Teluk atau kerana kewangan rakyat telah mula menurun disebabkan nilai ringgit Malaysia amat jatuh kalau dibandingkan dengan wang dari negara-negara jiran sendiri, seperti Singapura, Thailand atau lain-lain. Kenapa wang kita jatuh di arena kewangan dunia sedangkan kewangan negara ini sepatutnya teguh disebabkan kita mempunyai bahan-bahan yang baik dan berguna di perdagangan dunia. Kenapakah Malaysia tidak boleh menghantar pegawai-pegawai tinggi yang membuat dasar mengenai kewangan ini ke negara-negara jiran, Singapura misalnya, beberapa bulan atau beberapa tahun untuk mengkaji kenapa dollar Singapura begitu tinggi, pastilah mempunyai pengaruh di dalam pasaran dunia kewangan antarabangsa.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan patut mencari jalan bagi mengatasi hal ini supaya ianya tidak menjadi duit daun pisang Jepun di mana suatu ketika orang berebut-rebut datang melabur di negara kita akan keluar dan lari ke Pulau Batam, Indonesia, kerana peluang perdagangan dan buruh yang banyak dan murah terdapat di sana. Apalah gunanya hasil bumi yang baik dan banyak seandainya

pengurusan yang sukar dan tidak mendatangkan hasil yang lumayan kepada pelabur. Pelabur-pelabur luar pula pasti bertanya kepada orang-orang yang mereka kenal di dalam perdagangan antarabangsa yang sudah pasti mereka terdiri dari rakyat negara jiran, seperti Singapura atau lain-lain. Maka tentulah jawapannya di negeri mereka atau di tempat-tempat yang ada hubungan dengan mereka dan negara lain juga pasti berbuat begitu. Oleh itu, Malaysia harus menggalakkan kaum bumiputera meninjau ke negara-negara luar dalam segi perdagangan dan mengajak sama peniaga-peniaga kecil bumiputera yang sekira-kira mendatangkan semangat untuk mereka membuka perusahaan sendiri atau mengadakan joint-venture ataupun pakatan perdagangan dengan peniaga-peniaga luar agar seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, konsep perdagangan di dalam perindustrian bukanlah suatu yang amat sukar untuk dilaksanakan sekiranya mendapat kemudahan-kemudahan yang memberangsangkan dari berbagai-bagai pihak, seperti Kerajaan Negeri, pihak-pihak bank dan sebagainya. Namun, oleh kerana terlampau sukar bagi memohon sesuatu maka kaum bumiputera seakan-akan bila baru mula akan merasa serik atau merasa malas mencuba lagi kerana disebabkan sekatan-sekatan atau kerumitan-kerumitan yang amat menyulitkan, seperti lesen syarikat, pinjaman bank, kelulusan tanah yang terpaksa berulang-alik ke Jabatan-jabatan itu dan ke bank-bank, dan macam-macam cara dan syarat yang dikenakan yang kesemuanya melibatkan kerumitan kepada pelabur-pelabur asing. Sementara lagi, di setengah-setengah tempat ataupun di setengah-setengah negeri yang kadang-kadang dikaji pula yang memohon itu adakah kaitan dengan pihak-pihak tertentu atau tidak. Kalau tiada, nescaya permohonannya menjadi berbelit-belit atau lambat dan kena berbagai-bagai syarat. Tetapi, kalau ada kaitan dengan pihak-pihak

tertentu, ianya menjadi cepat dan senang. Saya pun tak faham kenapa ini terjadi, barangkali kerana saya sendiri tidak faham mengenai business.

Tuan Yang di-Pertua, bertolak dari susahnya kaum bumiputera menjadi 'businessmen' yang benar-benar boleh diharap dan berjalan seperti orang-orang lain yang maju di dalam business, maka timbullah satu konsep baru, iaitu skim saham keuntungan sebulan sekali mengikut peratus yang ditetapkan oleh pihak pengurus sesebuah syarikat yang banyak bermula di Perak. Saham-saham diberi keuntungan begini memberi kemudahan kepada pelabur-pelabur, tidak payah menyusahkan diri, tunggu sahaja, dan bila cukup bulan, tunggu dan ambil sahaja di dalam akaun bank, nanti akan dapat sama ada 10% atau 5% sebulan atas kadar yang ditentukan. Saya rasa perkara begini boleh digalakkan berlaku di negara ini kerana ianya berdaftar dengan Bank Negara dan sebagai sebuah syankat atau koperasi yang diberi kebenaran oleh Kerajaan berbuat demikian, seperti juga orang-orang yang melaburkan wang untuk masuk mana-mana saham yang berdaftar yang berlakunya secara harian.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Melayu sudah kenal erti pelaburan melalui saham diberi peratus bulanan ini. Galakan dari pihak Kerajaan perlu disesuaikan dengan keadaan semasa di mana rakyat sudah mula mengenal erti pelaburan sebegini, cuma menunggu diperkemaskan lagi oleh pihak Kerajaan. Janganlah cuba disekat atau dihentikan konsep pelaburan sedemikian semata-mata melihat dari sudut negatifnya sahaja, tetapi perlulah dilihat sama dari segi positifnya di mana ramai kalangan bumiputera di kampung-kampung sekarang telah mula memakai motosikal dan membaiki rumah mereka dengan adanya skim saham secara begini, dan menjadi kesenangan bagi

mereka untuk menghantar anak-anak ke sekolah di bandar-bandar dengan adanya sistem kewangan bulanan demikian. Dengan penggalakan yang baik dari Kerajaan, maka sudah pasti semua rakyat akan merasa kemewahan dan kemakmuran yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan lebih bermakna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan juga ada menyentuh kegiatan pengedaran dan penyalahgunaan dadah masih lagi merupakan ancaman kepada kesejahteraan negara. Penyalahgunaan dadah bukanlah amalan rakyat di negara ini pada mulanya, ianya diperkenalkan oleh negara-negara maju bagi menjatuhkan akhlak muda-mudi negara-negara yang terjerat dengan bahan-bahan tersebut dan sengaja dibawa masuk ke negara ini oleh petualang-petualang bangsa yang benci kepada kemakmuran negara ini.

Melihat dari segi ini, maka sudah pasti ianya adalah satu-satunya bahan yang dibawa masuk, bukanlah ianya dibuat di negara ini sendiri. Oleh itu sesuailah diperketatkan lagi kawalan bahan-bahan ini di sempadan kita dengan ditambah pegawai-pegawai Bahagian Anti Dadah ini di semua tempat-tempat strategik di sempadan negara kita agar menjadi sebuah tempat yang amat sukar dimasuki oleh petualang-petualang dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kemasukan rokok-rokok keretek secara haram ke negara kita dari negara jiran yang amat berleluasa sejak akhir-akhir ini. Di mana-mana pun, di kakilima-kakilimapun terdapat penjaja-penjaja rokok di merata-rata bandar di Malaysia ini seolah-olah ada satu gerakan atau arahan tertentu di dalam pengendalian penjualan rokok-rokok ini. Pada hari tni kita telah terbaca di akhbar yang mengatakan Kastam telah merampas rokok yang bernilai \$77,000 yang mengandungi 5,550 karton keretek di Johor Bahru, Sabtu lalu. Syabas kita ucapkan kepada pihak Kastam yang telah berjaya membuat rampasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan sedikit beban Kempen Merokok ini, eloklah pula disekat penjualan rokok itu di kakilima-kakilima supaya ianya agak sukar sedikit untuk pengedar-pengedarnya menjual atau boleh menyekat sedikit ketagihan merokok itu. Di samping pihak T.V. dan RTM juga boleh mengurangkan iklan-iklannya di dalam rancangan-rancangan supaya tidak ada lagi rokok-rokok itu dihisap di negara ini suatu masa nanti. Dicadangkan di sini supaya diadakan kempen di pejabat-pejabat Kerajaan supaya tidak menghisap rokok. Ambil sahaja satu hari dalam sebulan dan untuk menjadikan perkara ini berjalan, seelok-eloknya Ketua Jabatan sendiri tidak merokok dan melihat serta memerhati semua staffnya di dalam sehari itu di pejabatnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkatakan penyeksaan terhadap kanak-kanak di mana kes-kes yang seumpama ini telah begitu meningkat sejak akhir-akhir ini oleh kerana ibubapa atau penjaga terlampau sibuk mencari kekayaan dan keselesaan hidup di dunia yang fana ini sehingga penjagaan dan kasih sayang kepada zuriatnya sendiri diabaikan. Maka sudah sewajarnya undang-undang baru bagi melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa deraan atau Akta Perlindungan Kanak-kanak 1990 diperkemas supaya menjadi suatu yang bermanfaat kepada negara kerana masyarakat Malaysia harus ingat bahawa anak-anak adalah bakal pewaris negara ini. Seandainya ia diperlakukan dengan berbagai-bagai penyeksaan, maka sudah pasti akan mendatangkan keburukan kepada pewaris negara ini. Sesuatu yang baik perlu diutarakan di dalam mass-media seperti radio dan T.V. serta akhbar-akhbar untuk menasihati rakyat supaya tidak melakukan kekasaran terhadap anak-anak sehingga tercedera. Junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda di dalam Hadisnya yang bermaksud, "Bukan masuk golongan kami orang yang tidak menghormati orang tua kami dan tidak menyayangi orang-orang yang kecil yakni yang lebih rendah usia antara kami". Dengan Hadis ini jelas kepada kita bahawa yang tua hendaklah dimuliakan, yang seusia hendaklah dihargai dan yang kecil hendaklah disayangi dan dikasihi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menghadapi Rancangan Malaysia Keenam, maka pengalaman Rancangan Malaysia Kelima yang dilalui menjadi contoh di dalam menghadapi saat-saat yang lebih mencabar dari segi ekonomi seperti kekalutan timbul disebabkan kekurangan buruh tempatan yang Ingin bekerja di ladang-ladang pertanian di luarbandar-luarbandar atau di tempat-tempat pendalaman. Bagaimana keadaan ini kita dapat atasi kiranya tidak dibuat sesuatu

perancangan yang berguna dan memberi faedah. Ditinjau kepada generasi muda kita kini yang rata-rata berpendidikan menengah, agak sukar untuk membawa mereka menjadi buruh di ladang-ladang tersebut maka ramailah di kalangan mereka berlegar di bandar-bandar dan pekan-pekan menjadi pemuda yang lepek di sana-sini dan bersifat lemah. Kesan daripada perkara-perkara begini menyebabkan konsep pendidikan juga akan turut lemah dan pemuda-pemuda negara ini menjadi pemuda yang lemah dari segi menggunakan tulang empat kerat dan rata-rata ingin bekerja senang di pekan-pekan atau di bandar-bandar sekalipun pendapatannya tidak seberapa. Oleh itu, Kerajaan harus berfikir mencari jalan keluar yang berguna untuk menjuruskah muda-mudi kita menjadi pemuda yang tahan lasak sama ada ke gunung, ke lurah ataupun ke laut dalam.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai konsep pendidikan dan kurikulum, saya rasa Dasar Pelajaran Kebangsaan harus dikaji semula mengenai masa pembelajaran kanak-kanak seperti mula sekolah umur lima tahun dan sekolah rendah hanya setakat darjah lima sahaja tidak perlu sampai darjah enam kerana anak-anak rata-rata telah memulakan persekolahan mereka di tadika sama ada di bandar-bandar atau di kampung-kampung. Dan SRP sepatutnya hanya dua tahun sahaja, tidak perlu sampai tiga tahun, begitulah SPM dan STP, pra-universiti dan sebagainya,

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh bidang pelancongan pula, memang tidak dapat disangkai lagi bahawa bidang pelancongan adalah suatu bidang yang paling baik dari segi tukaran wang asing dan pengenalan negara ke arah perdagangan antarabangsa kerana melalui bidang ini dapat diperkenalkan segala bidang mengenai *realiti* perdagangan di negara ini moga-moga ianya membuka jalan ke arah perdagangan yang

lebih menyeluruh serata dunia. Melihat kepada angka pelancong yang datang dan kemasukan wang luar hasil darinya, kita merasa bangga dan bertuah mempunyai sebuah negara yang sesuai untuk semua kaum dan untuk semua bangsa dan sesuai pula dengan semua keadaan cuaca. Oleh itu, saya mencadangkan supaya bidang kesenian di dalam Kementerian ini perlu diperluaskan lagi skopnya dan mencakup pertunjukan-pertunjukan kesenian di serata dunia dan di tempat-tempat yang difikirkan sesuai dan munasabah. Walau bagaimanapun, janganlah lari dari semangat ketimuran yang diamal dan dijadikan pegangan hidup kita sejak Malaysia mencapai taraf kemerdekaannya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita mengejar kemajuan perdagangan di taraf antarabangsa di mana rata-rata bangsa Asia ini adalah satu bangsa yang sukar menembusi pasaran dunia Barat kerana Barat tetap menghormati Barat. Lantaran itu, ura-ura Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menubuhkan satu pakatan pasaran serantau Asia-Pasifik adalah amat kena pada masanya dan sesuai sekali dijadikan Dasar Perdagangan Antarabangsa yang baru dan disesuaikan dengan Dasar Ekonomi Baru yang akan bermula tahun hadapan, tidak berapa hari lagi, kerana bahan-bahan komoditi utama kita adalah mempunyai bahan-bahan yang bermutu tinggi dan mempunyai masa hadapan yang lebih terjamin pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita memperkatakan mengenai industri atau perkilangan maka mahu tidak mahu, kita terpaksa menyentuh mengenai tempat sesebuah industri itu hendak didirikan, sama ada di negeri-negeri yang telahpun ada banyak industri atau di negeri-negeri yang tidak ada atau kurang terdapat industri seperti Terengganu. Saya merasa amat malang kerana tidak banyak kilang-kilang yang dapat didirikan di Terengganu sekalipun minyak

dan gas terdapat di sana. Entah kenapa perkara ini terjadi, saya kurang faham. Bila ditanya, setengah-setengah pihak mengatakan kerana jauh dari pelabuhan dan ada pula yang berpendapat banyak sangat syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Di kalangan lain pula berpendapat kemudahan asasnya kurang memuaskan dan kos mendirikan kilang serta kos-kos lain juga mahal.

Oleh itu, saya mencadangkan di sini supaya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menetapkan kilang-kilang yang hendak didirikan di negeri ini supaya ditetapkan di negeri-negeri yang kurang maju seperti Terengganu dan lain-lain negeri di Pantai Timur agar ianya menjadi seimbang dari segi perkilangan di samping-boleh mengurangkan pengangkutan dan penghijrahan belia-belia ataupun beliawanis ke bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur.

Dato' Yang di-Pertua, pengagihan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas perlulah diberi perhatian yang utama di dalam Dasar Ekonomi Baru yang akan datang kerana rakyat di luar-luar bandar dan di pinggir—pinggir bandar sebenarnya telah menyaksikan kemudahan-kemudahan infrastruktur ini tetapi kadang-kadang mereka tidak dapat merasakannya lagi. Oleh itu, penekanan perlulah diberikan juga kepada rakyat di pinggir-pinggir bandar, apa lagi di luar-luar bandar suatu hal yang amat ketara sekarang ialah wujudnya kereta-kereta sewa sapu yang ada di mana-mana di dalam bandar ataupun pekan-pekan kecil semata-mata memenuhi kehendak rakyat desa untuk keluar berbelanja atau membawa hasil kampung ke pekan-pekan atau bandar-bandar semata-mata mencari kehidupan hasil dari wujudnya kemudahan jalan-jalan kampung.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Mesyuarat**]

Oleh itu, Kementerian Perusahaan Awam dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri perlu melihat kenyataan ini sebagai satu fenomena baru di dalam masyarakat kita. Saya rasa perkara ini perlu

difikirkan bagaimanakah cara mengeluarkan lesen-lesen pengangkutan sementara atau di dalam bentuk lesen pengangkutan luar bandar kepada kereta-kereta atau van-van yang berkeliaran banyaknya mencari passenger ataupun penumpang dan diletakkan harga yang kadang-kadang tidak berpatutan.

Kementerian tidak harus memadam ringan perkara ini dan janganlah pula kemudahan-kemudahan ini disekat terus kerana sebenarnya pemandu-pemandu kereta sapu ini juga ingin menikmati arus pembangunan di samping memberi kemudahan kepada penumpang-penumpang dari kota ataupun pekan ke kampung-kampung atau sebaliknya.

Saya menarik perhatian Kementerian berkenaan kepada perkara ini saya khuatir di suatu masa ianya menjadi tidak terkawal dan sesuaiilah ianya memberi sedikit sumbangan kepada negara di dalam segi pengangkutan luar bandar atau kampung-kampung pinggir bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kesempatan ini saya mengambil peluang merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah dapat membentuk dasar wanita negara di bawah satu Kementerian yang baru ditubuhkan kerana wanita adalah tenaga penting di dalam konteks pembangunan negara masa kini. Tanpa diambil kira peranan wanita di dalam pembangunan ummah, maka sesebuah negara akan menemui jalan buntu, di mana bersesuaianlah dengan ajaran Islam sebagai sebuah agama yang benar-benar memberi kebaikan kepada kaum wanita di mana Islam telah mengangkat taraf wanita ke tahap yang belum pernah dicapai oleh wanita sebelumnya iaitu dengan memberi hak-hak persamaan yang adil dan saksama sebagaimana firman Allah di dalam al-Quranul karim yang bermaksud "Bagi kaum lelaki di dalam usaha kerja mereka ada bahagian mereka yang tertentu, demikian jugalah

bagi kaum wanita. Di dalam usaha dan kerja-kerja mereka ada bahagian mereka yang tertentu." Dan lagi firman Allah di dalam suratun-Nahl Ayat 97 yang bermaksud: "Sesiapa yang mengerjakan amalan yang baik sama ada daripada kalangan lelaki ataupun perempuan sedangkan ia beriman, maka Kami akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami akan membalaskan mereka itu dengan balasan yang sebaik-baik daripada apa yang mereka telah lakukan."

Dengan Ayat-ayat yang telah saya bacakan tadi, jelas kepada kita semua bahawa wanita juga adalah memainkan peranan yang penting di dalam membangunkan masyarakat dan negara. Seterusnya peranan wanita di dalam membantu membangunkan negara tidak semestinya menjadi Menteri atau Timbalan Menteri ataupun pegawai-pegawai tinggi kerajaan semata-mata, malahan peranan wanita sebagai ibu juga merupakan sumbangan utama di dalam membentuk generasi negara yang akan datang yang benar-benar berguna kerana kesempurnaan anggota generasi yang akan datang adalah menjadi penentu kepada kestabilan, kemajuan dan kemakmuran negara sendiri. Memandangkan kepada kepentingan tersebutlah, maka setiap wanita mesti mempunyai perasaan dan kemampuan memikul tanggungjawab ini sebagai amanah kepada warisan bangsa sendiri sama ada sekarang ataupun akan datang. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sesuai benarlah andai kata negara memberikan kepada wanita suatu peranan utama di dalam konsep pendidikan sesuai dengan haknya yang utama di segi pendidikan kepada anak-anak. Wanita perlu juga diberikan peluang memegang peranan penting di dalam pembangunan negara seperti menjadi usahawan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan di dalam bentuk dakwah Islamiah

perlulah diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan kerana sejak akhir-akhir ini agama Islam yang maha suci bukan sahaja telah dipermain-mainkan oleh golongan-golongan yang tidak faham dan cetek pengetahuannya, bahkan telah digunakan oleh banyak pihak sebagai penyelesaian di dalam hal keburukan.

Saya bersetuju penuh dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini agar ianya akan dikaji semula untuk kegunaan oleh parti-parti politik. Kerana kalau PAS boleh gunakan nama Islam di dalam partinya, kenapa UMNO tidak boleh menggunakan nama Islam juga seperti Parti Islam Melayu Bersatu atau sebagainya? Ini akan lebih berpengaruh dan boleh mengabui mata orang-orang kampung, tetapi sebagai sebuah Kerajaan yang dipimpin oleh sebuah parti yang bertanggungjawab, maka ianya diolah sedemikian rupa adalah semata-mata untuk menegakkan sebuah negara yang benar-benar bersih, cekap dan beramanah di dalam semua aspek kehidupan. Sebab itulah kita lihat negara kita ini sedang berjalan dengan aman, makmur dan bebas merdeka dari sebarang ancaman dan pengaruh luar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kurangnya pengaruh-pengaruh luar itu, maka lebih baiklah kita meneruskan konsep perpaduan di negara ini kerana melalui pepaduan sahajalah kita dapat mencapai kesentosaan hidup sampai ke tahap ini. Oleh itu, jika ada unsur-unsur yang ingin mempengaruhi rakyat kita ke arah kancuh kehancuran melalui dadah, perdagangan, pembahagian harta yang tidak seimbang, fitnah-memfitnah, tuduh-menuduh, dengki-mendengki sesama sendiri, nescaya akan lahirlah negara ini suatu tempat yang panas untuk diduduki dan akan menjadi satu keadaan di mana rakyat sesama rakyat tidak lagi percaya-mempercayai. Orang yang kaya menuduh si

miskin ingin merampas harta mereka dan si miskin pula akan menuduh orang kaya merampas hak mereka dan orang Kerajaan dianggap penipu dan merampas hak rakyat manakala orang Kerajaan pula menganggap orang-orang kaya dan saudagar-saudagar adalah kaki penipu bank-bank dan keseluruhannya. Perhatian masyarakat menganggap orang-orang yang mendapat kesenangan dan kemewahan itu ialah mereka yang mendapat hasil yang tidak melalui jalan yang baik dan jalan yang halal. Di kala itu jadilah sebuah masyarakat di dalam negara yang mana satu pihak tidak mempercayai satu pihak yang lain dan pastilah akan berlaku dendam-mendendam dan tuduh-menuduh, , maka lebih senanglah kuasa-kuasa asing datang menakluki kita melalui keadaan yang demikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada gejala buruk yang akan menimpa negara ini seandainya wabak ini tidak dibendung, maka sudah sampai masanya Kerajaan mencari jalan ke arah merealisasikan konsep perpaduan yang sebenar melalui bentuk persatuan yang satu bagi sesuatu bangsa di Malaysia yang kita cintai ini. Kerana bukan mudah untuk membentuk perpaduan yang sebenar, tetapi amatlah senang hendak membuatkan kucar-kacir dan huru-hara. Firman Allah di dalam Al-Quranul-Karim, yang bermaksud "Hendaklah karau berpegang dengan ajaran Allah, janganlah kamu berpecah dan hendaklah kamu ingat nikmat-nikmat Allah ke atas kamu di mana ketika itu kamu berseteru, maka Allah melembutkan di antara hati-hati kamu, maka jadilah kamu dengan nikmatnya sebagai saudara".

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Law Jack Voon.

4.41 ptg.

Paan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Kelapan, bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang mulia ini. Saya hendak menyentuh beberapa perkara mengenai Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak merdeka rakyat Malaysia telah menikmati keamanan, perpaduan, kestabilan, kemajuan dan kemakmuran. Kita sekarang sudah masuk Parlimen Kelapan dan adalah diharapkan bahawa keadaan yang begitu baik, sepertimana yang kita nikmati hari

ini akan berterusan sehingga ke anak cucu kita. Kita mempunyai sebuah Kerajaan yang begitu tegoh dan kuat. Keadaan ini akan terus wujud selagi rakyatnya mahukan keamanan, kestabilan dan kemakmuran.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah sekali lagi diberi mandat memimpin negara ke satu tahap kemakmuran dan kestabilan yang lebih tinggi lagi. Rakyat memberikan mandat ini kepada Kerajaan Barisan Nasional oleh kerana mereka telah menyaksikan kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan Barisan Nasional ini. Sekarang kita menikmati keamanan dan keharmonian. Rakyat berbilang kaum hidup dengan aman dan damai.. Kita mempunyai lebuh raya yang cantik dan selesa. Kita sudah mempunyai kereta kita sendiri, Proton Saga, yang telah memenangi pada kali kedua pingat emas di peringkat antarabangsa. Kita telah berjaya mengendalikan persidangan Ketua-ketua Negara seperti CHOGM dan G-15 dan sukan antarabangsa seperti SEA GAMES, dengan jayanya. Kesemuanya ini menunjukkan kemampuan kita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain yang sudah lama membangun. Taraf hidup rakyat negara ini boleh dikatakan memuaskan juga. Semua kemajuan ini tidak tercapai oleh Kerajaan tanpa penglibatan rakyat sepenuhnya. Rakyat mahukan keamanan, kestabilan dan keharmonian, oleh kerana mereka mahu masa depan yang cemerlang untuk anak cucu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita meninjau lain-lain negara di dunia ini, kita akan merasa sedih oleh kerana apa yang kita nikmati di negara ini tidak ada pada mereka. Ada di setengah-setengah negara, rakyatnya kebuluran dan ada pula di setengah-setengah negara

rakyatnya berperang sesama sendiri dan menghadapi berbagai masalah lagi. Saya yakin di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, keadaan buruh yang didapati di negara-negara luar itu tidak akan dibenarkan wujud di negara kita yang tercinta ini.

Rakyat sudah memberikan mandat sekali lagi kepada Barisan Nasional dan sekarang terpulanglah kepada Barisan Nasional pula memainkan peranan untuk terus membawa kesejahteraan kepada rakyat. Dengan ini juga bermakna Barisan Nasional perlulah menunaikan janji-janjinya sama ada yang sudah lama dibuat atau baharu sahaja dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, kita merasa sangat sedih di atas tindakan pemimpin-pemimpin sebuah negeri menarik partinya keluar dari Barisan Nasional dan atas kemenangan parti pembangkang di sebuah negeri lain.. Walaupun Barisan Nasional dikembalikan dengan lebih dari 2/3 majoriti, ini bukan bermakna kita perlu berpuas hati dengan kemenangan itu dan menepuk dada di atas kejayaan yang telah dicapai. Kita mesti lebih berwaspada terhadap tindak-tanduk mereka yang sekarang menentang Barisan Nasional. Apa yang perlu dilihat sekarang bukanlah mengapa ada rakyat kita yang menyokong pihak pembangkang atau menentang Kerajaan, tetapi di mana salah atau kelemahan Kerajaan yang menyebabkan adanya rakyat yang tidak mahu menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Sekiranya kita tahu mengapa, saya yakin kita akan dapat mencari penawarnya. Dengan ini bermakna Kerajaan terpaksa bekerja dengan lebih kuat lagi untuk mendapatkan sokongan rakyat yang pada masa ini tidak mahu menyokong Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terirna kasih kepada Kerajaan di atas perhatian yang akan diberikan kepada pendekatan mengintegrasikan kampung-kampung yang sebelum ini dikenali sebagai kampung-kampung baru ke dalam Rancangan Pembangunan Bandar dan Luar Bandar, selaras dengan pembangunan penempatan bandar baru yang mencerminkan perpaduan rakyat .

Sebagaimana yang kita tahu bahawa penduduk di kampung-kampung baru sudah lama ketinggalan dari arus pembangunan negara, bukan di atas kehendak mereka sendiri - tetapi oleh kerana keadaan . Banyak daripada kampung-kampung baru ini terdapat di kawasan yang terpencil dan mereka diberi kawasan yang hanya sekadar untuk tempat kediaman sahaja dan kawasan perkampungan mereka tidak ada pertambahan. Oleh kerana itu pembangunan ekonomi mereka terhad.

Sekiranya mereka ini berniaga tidak ada kemungkinan bagi perniagaan mereka berkembang di kawasan itu oleh kerana tiada perkembangan penempatan. Sekiranya mereka hendak berladang pula tiada kawasan di mana mereka boleh bercucuk tanam. Kita perlu ingat bahawa mereka yang ditempatkan di kampung-kampung baru ini berasal dari golongan kaum tani. Mereka ini amat memerlukan bantuan Kerajaan untuk membangunkan sosio-ekonomi mereka. Sekiranya bantuan yang mereka harapkan itu tidak diperolehi, keadaan mereka akan bertambah buruk lagi dan ini akan membawa kepada rasa tidak puas hati. Apa yang mereka mahukan ialah peluang untuk meningkatkan taraf hidup mereka .

Saya berharap dengan perubahan yang dicadangkan, keadaan sosio-ekonomi mereka akan bertambah baik dan saya yakin mereka akan menyumbangkan terhadap pembangunan negara dengan lebih berkesan lagi .

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah, Baginda ada mehyebut tentang meningkatkan pengeluaran komoditi-komoditi seperti kelapa sawit getah dan koko serta ternakan dan barang makanan. Sektor pertanian diberi penekanan dan usaha-usaha sedang dibuat bagi mengumpul dan mengemaskinikan rnaklumat asas sosio-ekonomi petani-petani bagi membolehkan Kerajaan merancang dengan lebih teliti projek-projek serta program-program untuk meningkatkan lagi taraf hidup petani-petani. Jadi dengan usaha mengintegrasikan kampung-kampung baru

tadi apalah kiranya jika penduduk-penduduk kampung-kampung baru ini akan juga dimasukkan dalam perancangan dan program-program yang dibuat bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Mereka faham bahawa Kerajaan adil dan saya percaya mereka akan lebih waras lagi tentang keadilan itu apabila keadilan dibuktikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Dasar Sukan Negara. Program Malaysia Cergas Pagi mewujudkan warganegara yang aktif, sihat, cergas dan berdisiplin. Kerajaan juga sedang memperhebatkan lagi program-program mencegah penyakit, rawatan pesakit dan promosi kesihatan terutama sekali untuk rakyat luar bandar.

Di sini saya perlu mengingatkan Kerajaan bahawa negara juga sedang menghadapi pertambahan pesakit-pesakit yang mengidap penyakit moden seperti sakit jantung dan yang terbaharu sekali ialah AIDS. Penyakit-penyakit ini tidak menghormati manusia dan tidak memilih keturunan kaum, bangsa atau darjat.

Kes sakit jantung umpamanya telah meningkat dari 14,754 dalam tahun 1985 ke 20,851 kes dalam tahun 1989. Jumlah kematian akibat sakit jantung juga meningkat dari 2,058 kematian dalam tahun 1985 ke 2,133 kematian dalam tahun 1989. Dengan itu Kerajaan perlulah meningkatkan lagi program-program untuk menggalakkan rakyat mengamalkan kehidupan yang bermutu melalui pelbagai aktiviti seperti pelajaran, kesihatan dan program-program pencegahan dan pengesanan penyakit di peringkat awal. Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan perlu juga meningkatkan perkhidmatannya untuk rnengesan, mencegah dan merawat penyakit ini dengan menyediakan alat-alat moden

dan lebih banyak lagi hospital dilengkapi dengan alat-alat ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit yang baru menular ke negara ini ialah penyakit AIDS dan kita perlu menerima hakikat bahawa penyakit ini wujud di negara ini untuk selama-lamanya. Hanya satu kes dilaporkan pada tahun 1986 tetapi sekarang sudah meningkat ke 17 kes dan lebih kurang 687 kes pembawa kuman AIDS telah dapat dikesan dan mengikut laporan pakar-pakar perubatan mungkin jumlah lebih banyak lagi dari apa yang diketahui, memandangkan banyak kes yang tidak dilaporkan. Mengikut Laporan Persatuan Perubatan Malaysia, mungkin ada 1,000 kes di Malaysia sekarang. Bagi mencegah dari merebaknya penyakit ini, ada perlunya bagi Kerajaan bersiap sedia dari sekarang untuk memerangnya secara serius dan besar-besaran sebelum ia menjadi masalah sosial di negara kita yang kita cintai ini. Tanggungjawab memerangi penyakit ini tidak terletak diatas bahu Kerajaan semata-mata, tetapi di atas kita semua tidak mengira bangsa, agama atau keturunan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan membelanjakan banyak wang rakyat untuk kesihatan rakyat supaya terjaga dengan baik, tetapi malangnya Kerajaan juga bersubahat dalam menggalakkan rakyatnya dijangkiti penyakit. Apa yang saya maksudkan di sini ialah berhubungan dengan adanya tapak-tapak industri di setengah-setengah kawasan perumahan di mana pelepasan-pelepasan kilang-kilang sama ada dalam bentuk cecair atau asap atau debu menyulitkan hidup rakyat yang tinggal di sekelilingnya. Umpamanya jika kita memandu di sekitar Kuala Lumpur, saya yakin kita akan dapat melihat banyak kilang papan di Ibu Kota ini. Alangkah malangnya rakyat yang

tinggal berhampiran dengan kilang-kilang papan ini yang terpaksa mengidul debu-debu halus yang dijana oleh kilang-kilang itu. Kita masih boleh melihat kilang yang memproses getah di bandar Kuala Lumpur ini. Sebenarnya kita tidak payah lihat langsung oleh kerana bila kita hampir sahaja dengan kilang-kilang seperti ini kita akan diberitahu oleh hidung kita tentang adanya kilang getah di situ. Bau busuk yang dikeluarkan oleh kilang ini boleh dikesan sebatu atau dua batu sebelum kita sampai dekatnya. Sama ada debu atau bau busuk atau kepulan asap, kesemua ini membawa kesan buruk kepada kesihatan manusia.

Di dalam perkara ini saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya menempatkan semula semua kilang-kilang yang memudaratkan kesihatan manusia ke satu tempat yang jauh dari tempat tinggal manusia atau semua pelepasan kilang-kilang ini dimusnahkan dengan menggunakan alat-alat atau mesin-mesin moden.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas kejayaannya melancarkan Program Keluarga Bahagia baru-baru ini. Pada pendapat saya, ini adalah satu program yang amat baik terhadap membawa kesedaran kepada ibubapa tentang betapa pentingnya unit keluarga itu dalam membentuk masyarakat masa depan yang bertanggungjawab, bersatu padu dan bersopan santun. Dengan adanya unit keluarga yang bersatu-padu, gembira dan saling bantu-membantu, saya yakin anak-anak kita tidak akan menghabiskan masa lapang mereka di tempat-tempat hiburan atau di merata Kompleks membeli-belah. Anak-anak yang disayangi tidak akan terdorong mencari dadah. Anak-anak gadis yang disayangi oleh keluarganya tidak akan keluar mencari hiburan bersama orang-orang lain. Sekiranya wujud kasih sayang, tolong-menolong dan persefahaman dalam satu keluarga itu, pasaran dadah akan tertutup dengan sendirinya. Rumah-rumah pelacuran akan gulung tikar. Tempat-tempat peleseran akan hilang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, aktiviti di rumah

untuk menyatupadukan keluarga itu amat terhad dan dengan itu Kerajaan perlulah menyediakan lebih banyak lagi pusat-pusat sukan dan riadah. Pihak swasta telah diberi galakan oleh Kerajaan membina pusat-pusat sukan. Ini termasuklah pembinaan padang-padang golf yang memerlukan tanah berhektar-hektar luasnya. Tetapi siapa pula yang boleh menggunakan tempat-tempat mewah seperti ini? Mereka terdiri dari orang-orang yang berkemampuan menjadi ahli kelab-kelab seperti ini. Bagaimana pula dengan rakyat biasa yang juga memerlukan kemudahan seperti itu? Kita perlu ingat bahawa rakyat biasa ini Lebih ramai dari mereka yang serba-serbi berkemampuan, jadi, kehendak yang ramai inilah yang perlu diteliti oleh Kerajaan.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pucuk pimpinan kita dan semua pemimpin-pemimpin parti Komponen Barisan Nasional yang telah menang dan diberi mandat untuk memerintah negara sekali lagi. Sekali lagi saya ingin mengingatkan Kerajaan tentang tanggungjawabnya supaya berlaku adil kepada semua dan berilah perhatian serius kepada golongan yang menentang Kerajaan dengan menyelidik dan memahami masalah yang mereka hadapi. Janganlah mereka ini dianaktirikan tetapi carilah jalan untuk meyakinkan mereka tentang perjuangan Kerajaan demi kepentingan, kesejahteraan dan kemakmuran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Usul Ucapan Terima Kasih Kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, memanglah menjadi tujuan kita memberi kebebasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam membuat ucapan-ucapan, tetapi satu perkara yang

saya perhatikan bahawa soal keluarga yang ditekankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan juga soal keluarga yang mendapat elaan yang begitu baik dalam ucapan Belanjawan baru-baru ini. Jadi, saya rasa kalau boleh saya cadangkan, syorkan, cuba kita sentuh sedikit satu perkara yang baik ini.

Yang kedua, saya ingin merujuk kepada Yang Berhormat Puan Ainon semalam yang ada menyentuh soal media tidak memberi liputan yang baik. Saya percaya daripada pengalaman saya di dua Dewan, iaitu di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, ucapan-ucapan di Dewan Negara ini saya rasa setanding dengan apa yang terdapat di Dewan Rakyat sana. Kalau boleh, saya cadangkan satu lagi, ucapan-ucapan yang baik ini kalau kita buat point-pointnya dan kita berikan kepada pihak media di sana. Kita senangkan kerja mereka dan dalam perkara ini apabila mendapat liputan yang baik, dengan sendirinya prestige Dewan Negara ini akan bertambah baik. Saya percaya begitulah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan P. Balaram.

5.07 ptg.

Tuan P. Balaram: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membeli peluang kepada saya untuk turut menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian Penggal Pertama, Parlimen Kelapan pada 4hb Disember 1990 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah merangkumi segala aspek dan bidang seperti perpaduan, pendidikan, pelaburan, pentadbiran dan lain-lain lagi. Tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun bahawa di bawah pemerintahan Baginda,

negara kita terus maju ke arah kemajuan, kemakmuran serta kesejahteraan rakyat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah mengadakan pilihanraya umum di mana Barisan Nasional telah memperolehi kemenangan yang cemerlang. Saya ucapkan tahniah kepada Barisan Nasional dan semua calon-calon yang menang dalam pilihanraya itu.

Saya juga ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana menguruskan dan mengendalikan pilihanraya umum itu dengan tidak ada apa-apa insiden-insiden yang tidak diingini.

Saya syorkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya ini kerana didapati beberapa kawasan pilihanraya di seluruh negara kita dapat overlapping, dengan izin, dalam dua atau kadang-kadang tiga jajahan ataupun daerah.

Sebagai satu contoh, di Negeri Kedah dalam kawasan saya yang saya duduk, ada satu kawasan bernama Merbok Pelas. Di kawasan ini ada dalam dua daerah, daerah Kulim dan daerah Baling. Ramai pengundi terdapat dalam daerah Baling tetapi nama Merbok Pelas ini diberi dari satu kawasan dekat dengan daerah Kulim. Jadi, saya rasa nama-nama yang diberi kepada kawasan pilihanraya ini tidak tepat. Dan juga overlapping kawasan ini menimbulkan beberapa kesulitan dan kesusahan kepada Wakil Rakyat-Wakil Rakyat yang dipilih untuk melaksanakan tugas-tugas mereka.

Mereka terpaksa menghadiri mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah dalam dua daerah itu. Dan juga tiap-tiap kali diberitahu masalah-masalah yang dihadapi oleh pengundi-pengundi, maka Wakil Rakyat itu terpaksa pergi ke Pejabat-pejabat Daerah yang mana jaraknya hampir 70 kilometer dari kawasan ataupun tempat duduk Wakil Rakyat itu. Jadi, saya syorkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya mengatasi kekurangan itu.

Sepertimana kita dapat tahu tiap-tiap 10 tahun sekali Suruhanjaya Pilihanraya ini mengubahsuaikan kawasan-kawasan. Jadi, pada kali ini apabila Suruhanjaya ini mengubahsuaikan kawasan-kawasan pilihanraya, saya rasa lebih baik kalau keluasan kawasan-kawasan di luar bandar itu diperkecilkan sedikit kerana pengubahsuaian yang terakhir sekali kita dapat ialah pada tahun 1980. Selama 10 tahun ini pertambahan penduduk dan pengundi begitu ramai di kawasan luar bandar. Jadi, saya rasa eloklah Suruhanjaya Pilihanraya ini memperbanyakkan lagi kawasan-kawasan pilihanraya di kawasan luar bandar supaya Wakil-wakil Rakyat yang dipilih itu boleh memberi perhatian yang wajar dengan segera kepada pengundi-pengundi di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Kebawah Duli Yang Maha Mulia menitahkan dalam ucapan Baginda, perpaduan kaum merupakan intipati yang penting dalam usaha Kerajaan untuk mencapai keamanan, kestabilan dan kemakmuran rakyat yang berbilang kaum dan agama. Perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat yang sedia wujud hendaklah dikukuhkan selama-lamanya oleh setiap lapisan rakyat Malaysia yang mencintai negara ini. Tanpa perpaduan di antara kaum, kita sedar negara kita akan mundur dan seterusnya hancur.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun masyarakat pada keseluruhannya sedar akan hakikat ini, maka kita terdapat juga beberapa puak untuk

mencari sesuatu keuntungan dan kepentingan sendiri, mengeluarkan kenyataan-kenyataan dan hujah-hujah yang menyakitkan dan menyinggung perasaan kaum lain, Rakyat haruslah berwaspada terhadap orang-orang yang berniat buruk itu.

Tuan Yang di-Pertua, trend ini kita dapati terutamanya sebelum mesyuarat-mesyuarat agung parti politik dalam negara kita. Seseorang pemimpin untuk mendapatkan undi dalam hati pemimpin-pemimpin atau calon-calon itu menimbulkan ataupun mengkritik mengenai tindak-tanduk pemimpin-pemimpin dari parti lain, Jadi, perkara begini ttdak diingini dan saya merayu kepada pemimpin-pemimpin ataupun ketua-ketua parti untuk menasihatkan kepada calon-calon ataupun pemimpin-pemimpin yang lain supaya jangan menimbulkan ataupun mengkritik mengenai ketua-ketua ataupun pemimpin-pemimpin parti lain.

Tuan Yang di-Pertuan saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana usaha-usaha Kerajaan meningkatkan kedudukan ekonomi negara tahun ini. Kerajaan berjaya menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini. Usaha-usaha untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing dan juga pelabur tempatan hendaklah diteruskan untuk memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara serta meluaskan lagi peluang-peluang pekerjaan kepada belia-belia kita yang begitu ramai keluar dari sekolah tiap-tiap tahun. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita dapati pada hari ini, sambil kita cuba menarik pelabur-pelabur asing ke negara kita, kita kurang memberi perhatian kepada infrastruktur-infrastruktur di kawasan-kawasan perusahaan kita. Sebagai contoh semua tapak perusahaan ataupun industri di perindustrian Bayan Lepas, Prai, Mak Mandin, Seberang Jaya, Kulim semuanya telah habis diambil. Hampir tiap-tiap hari kita dapati pengusaha-pengusaha dan pelabur-pelabur dari negara-negara asing

seperti Taiwan, Jepun dan lain-lain lagi datang mencari tapak-tapak perusahaan tetapi hampa sahaja. Jadi, saya syorkan kepada Kerajaan atau Jabatan-jabatan yang terlibat supaya disediakan tapak-tapak perusahaan yang cukup sebelum kita menarik pelabur-pelabur ke negara kita. Begitu juga. sambil kita mencari keuntungan daripada pelaburan-pelaburan asing, janganlah kita biarkan pengusaha-pengusaha ataupun pelabur-pelabur itu mengeksploitasi pekerja-pekerja kita dalam negara kita, Ada beberapa pengusaha ini membayar gaji yang sangat kurang kepada pekerja-pekerja kita. Jadi, Kerajaan dan Jabatan-jabatan yang terlibat haruslah memberi perhatian kepada perkara eksploitasi pekerja-pekerja kita di sektor perindustrian.

Begitu juga sebelum kita menubuh atau mewujudkan sesuatu kawasan perindustrian negara, kita hendaklah menyediakan jalan-jalanraya yang cukup untuk mengeksport barang-barang keluaran dari kilang-kilang itu kepada pelabuhan-pelabuhan. Apa yang kita dapat sekarang ini iaitu kita menubuhkan tapak kilang-kilang dan industri-industri tetapi kurang kita sediakan jalan-jalan dari industri-industri itu ke pelabuhan-pelabuhan. Hampir tiap-tiap hari kesesakan berlaku di kawasan-kawaan industri kerana di kebanyakan kawasan-kawasan sekarang ini dapat juga sekolah-sekolah berhampiran. Jadi, saya syorkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di mana per perusahaan-perusahaan itu diletakkan supaya memberi perhatian kepada jalan-jalan dan infrastruktur-infrastruktur di kawasan perusahaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas kepada Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana sejak beliau mengambilalih Kementerian Pendidikan ini, banyak kemajuan kita dapat dan juga prestasi pendidikan di negara kita pun menjadi lebih baik.

Beliau juga membawa beberapa perubahan yang baik kepada sistem pendidikan kita. Beliau juga berjaya mengubah sikap ibu bapa-ibu bapa, terhadap pendidikan di negara kita dan begitu juga sikap pelajar-pelajar terhadap pendidikan. Selain daripada meninggikan prestasi pendidikan di negara kita beliau juga tidak lupa menjaga ataupun memberi perhatian kepada kesejahteraan guru-guru. Baru-baru ini beliau mengenalkan sistem dua gaji dan juga beliau memberikan kenaikan pangkat kepada guru-guru. Tanpa kerjasama daripada golongan guru-guru maka sistem pendidikan di negara kita tidak boleh berjaya.

Saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya tempatkanlah guru-guru yang terlatih dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris ke sekolah-sekolah yang terletak di kawasan luar bandar. Apa yang kita dapati pada masa ini, guru-guru yang terlatih ini tidak mahu berkhidmat di sekolah-sekolah yang terletak di kawasan luar bandar. Walaupun mereka ditempatkan, selepas setahun atau dua tahun mereka cuba keluar dari sekolah-sekolah di luar bandar itu dan mencari sekolah-sekolah yang terletak di bandar. Jadi tiap-tiap tahun kita dapati satu kelemahan dalam pelaksanaan POL iaitu bahasa ibunda di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Walaupun penggal sekolah sudah mula hampir tiga minggu, ada beberapa buah sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan Jenis Kebangsaan (Cina) belum ada guru bahasa untuk mengajar bahasa ibunda mereka iaitu POL.

Di sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara, pada keseluruhannya pengajaran bahasa Tamil tidak memuaskan kerana bilangan pelajar yang ingin belajar bahasa ibunda mereka begitu ramai tetapi guru-guru

yang terlatih adalah kurang. Cuma ada sebuah Maktab Perguruan, iaitu Maktab Perguruan Raja Melawar di Seremban, yang memberi latihan kepada guru-guru untuk mengajar bahasa Tamil di sekolah-sekolah menengah. Selain daripada guru-guru ini, Kementerian juga mengambil guru-guru yang tidak terlatih, guru-guru yang bersara dan guru-guru yang tidak berpengalaman untuk mengajar bahasa Tamil di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan dan juga Sekolah-sekolah Menengah di negara kita. Hampir di setiap Sekolah Menengah, Pengetuannya kemungkinan tidak memahami atau pandai dalam bahasa Tamil. Oleh itu Pengetua atau Penolong Pengetua tidak dapat mengawas pelajaran bahasa Tamil yang dilaksanakan di sekolah-sekolah itu..

Begitu juga di Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah tidak ditempatkan Penyelia-penyelia untuk menyelia atau mengawas pengajaran bahasa Tamil di sekolah-sekolah di daerah itu. Jadi pada keseluruhannya pengajaran bahasa ibunda di Sekolah-sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah-sekolah Menengah di negara kita tidak dijalankan dengan baik. Oleh itu, saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya memberi latihan kepada ramai guru pelatih untuk mengajar bahasa Tamil ini di sekolah-sekolah tersebut. Begitu juga di ladang-ladang getah di mana kebanyakan sekolah-sekolah diletakkan, Kerajaan pula membahagikan sekolah-sekolah itu kepada dua. Kedudukan sekolah-sekolah itu di dalam estet-estet itupun sudah menjadi satu kelemahan ataupun satu kekurangan.

Selain daripada itu, Kerajaan juga membahagikan sekolah-sekolah di ladang-ladang getah itu kepada sekolah bantuan penuh dan sekolah-

sekolah bantuan modal. Jadi perbezaan sekolah-sekolah ini, setengah dalam bantuan penuh dan setengah bantuan modal, merugikan pelajar-pelajar yang belajar di sekolah-sekolah tersebut. Sekolah-sekolah bantuan penuh adalah diberi bantuan penuh oleh Kerajaan. Mengenai bantuan modal pula, dikatakan sekolah-sekolah ini terletak di atas tanah private atau tanah swasta dan oleh itu Kerajaan tidak boleh beri bantuan penuh kepada sekolah-sekolah ini. Saya rasa perbezaan ini tidak dilakukan dalam sistem pendidikan kita. Apabila saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, beliau mengatakan sekolah-sekolah bantuan modal ini adalah terletak di atas tanah swasta. Jadi adakah itu bermakna jika Kerajaan mahukan tanah itu, pihak swasta tidak akan memberi?

Pada kebiasaannya, apabila Kerajaan melancarkan sesuatu projek seperti klinik rakyat, stesen bomba dan lain-lain lagi, Kerajaan mengambil tanah dari swasta dan membayar gantirugi ataupun pampasan kepada swasta. Saya tidak faham mengapa dalam hal sekolah ini, dalam hal yang begitu penting, pendidikan anak-anak kita yang akan menjadi pemimpin di masa depan sampai duapuluh, tigapuluh tahun tanah itu tidak dapat dibeli oleh Kerajaan, terbiar begitu sahaja.

Jadi perbezaan ini tidak harus dilakukan. Saya syorkan kepada Kementerian supaya menukar semua sekolah-sekolah bantuan modal di seluruh negara kita iaitu Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan juga Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) daripada bantuan modal ini dan jadikanlah sekolah-sekolah ini sebagai sekolah-sekolah bantuan penuh supaya semua kemudahan-kemudahan yang diberi kepada sekolah-sekolah di bandar dan di lain-lain tempat boleh ditawarkan kepada sekolah-sekolah yang dikenali sebagai bantuan modal ini,

Saya juga ingin menyentuh satu isu baru-baru ini mengenai peperiksaan UPSR Darjah 6. Sejak beberapa tahun murid-murid yang memperoleh enam distinction (6A) dalam peperiksaan UPSR ini diberi kemasukan terus ke Tingkatan I di sekolah menengah. Tetapi pada tahun ini pelajar-pelajar yang mendapat 6A dalam peperiksaan UPSR ini tidak diberi peluang untuk masuk terus ke Tingkatan 6 tetapi mereka diberi satu ujian khas dalam Bahasa Malaysia. Saya tidak faham seseorang pelajar yang boleh mendapat 6A dalam semua mata-pelajaran dia mendapat 'A' tidak sanggupkah dia, kalau dimasukkan ke dalam Tingkatan 1 di sekolah menengah, dapat memajukan atau meninggikan, taraf bahasanya.

Tuan Adam bin Kadir: Mungkin Yang Berhormat maksudkan KBSR bukan UPSR, tidak? KBSR?

Tuan P. Balaram: Bukan, UPSR - Peperiksaan Penilaian untuk Darjah 6. Jadi itu sahaja masalahnya. Murid yang mendapat 6A dalam 6 mata pelajaran yang diambilnya, kalau diberi peluang untuk masuk terus ke Tingkatan 1 di sekolah menengah, saya percaya dia mampu belajar, mungkin dia mengatasi pelajar-pelajar yang lain dalam

Tingkatan 1 di sekolah menengah. Tetapi tahun ini, menurut syor Federal Inspectorate, telahpun diadakan satu ujian khas Bahasa Malaysia tetapi cuma 34% sahaja lulus dalam ujian itu. Jadi sebagai memberi perangsang atau galakan kepada pelajar-pelajar ini, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya jangan menghalangkan pelajar-pelajar ini daripada masuk ke Tingkatan 1 di sekolah menengah. Kalau pelajar-pelajar ini diberi peluang masuk terus ke Tingkatan 1 sekolah menengah, saya percaya ini akan memberi satu galakan dan akan jadi satu pendorong kepada pelajar-pelajar yang lain Darjah 6 di sekolah rendah sekarang ini. Mereka akan berusaha lagi untuk mencapai kemajuan seperti kawan-kawan mereka supaya masuk terus ke Tingkatan 1 di sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita telahpun melaksanakan dasar penswastaan sejak tahun 1983. Dasar penswastaan ini selain daripada mengurangkan atau meringankan beban kewangan Kerajaan, dapat juga mewujudkan persaingan di antara kakitangan dan mempertingkatkan lagi produktiviti negara.

Tetapi apabila penswastaan ini berlaku, Jabatan-jabatan dan badan-badan yang terlibat hendaklah berusaha untuk memajukan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh mereka ini. Mereka hendaklah merancang dengan betul dan cepat untuk jangka masa panjang supaya kehendak-kehendak rakyat yang kian bertambah itu dapat dipenuhi. Sebagai contoh, STM sudahpun diswastakan beberapa tahun dahulu. STM sedar bahawa negara kita sedang berkembang dan Kerajaan kita menggalakkan pembinaan rumah-rumah untuk rakyat kita. Jadi dikebanyakan projek perumahan permohonan telah dibuat dua, tiga atau empat tahun dulu pohon untuk dipasang telefon, tetapi STM mengatakan talian-talian tidak cukup ataupun tidak ada. Dalam kawasan saya

beberapa projek perumahan yang baru, STM tidak dapat membekalkan telefon. Di antara penghuni-penghuni yang menduduki di rumah-rumah itu di mana tidak ada talian-talian telefon ini, ada beberapa orang profesional, beberapa orang pengurus-pengurus kilang yang tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan baik. Jadi, ada pula pemaju-pemaju perumahan yang menghadapi beberapa kesulitan kerana bakal-bakal pembeli rumah itu tidak mahu membeli rumah-rumah di sesuatu taman kerana ketiadaan perkhidmatan telefon. Jadi saya syorkan kepada Syarikat Telekom Malaysia (STM) supaya merancang satu program jangka masa panjang agar tiap-tiap seorang yang pohon perkhidmatan telefon dapat diberikannya. Begitu juga, Lembaga Letrik Negara yang mana telah ditukar namanya sebagai Tenaga Nasional tidak dapat membekalkan ineter elektrik ke rumah-rumah. Apabila seseorang penghuni rumah memohon untuk perkhidmatan elektrik, dia kena tunggu lama kerana tidak ada teter.

Jadi saya rasa badan-badan yang diswastakan ini haruslah merancang terlebih dahulu untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat negara kita ini.

Satu lagi badan yang harus diswastakan dengan seberapa cepat ialah Keretapi Tanah Melayu [KTM]. Apa yang kita dapati pada masa ini iaitu kedudukan KTM dari semua aspek perkhidmatan, kebersihan dan sebagainya kurang memuaskan. Tandas-tandas tidak bersih. Begitu juga katil-katil tidur tidak baik. Setengah-setengah koc ini saya rasa telahpun dibina lebih kurang 50 tahun dulu yang tidak mempunyai tingkap di sebelah katil atas.

Jadi ada satu pengalaman saya sendiri di Stesen Bukit Mertajam, keretapi malam dijadualkan tiba di Stesen Bukit Mertajam pada waktu 10.15 malam daripada Stesen Butterworth menuju ke Kuala Lumpur. Semua penumpang sedia dengan beg-beg tunggu keretapi. Pada pukul 11.05 sahaja keretapi sampai ke Stesen Bukit Mertajam. Ketua stesen tidak membuat apa-apa pengumuman. Ini bukan berlaku sekali sahaja tetapi banyak kali. Jadi saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menswastakan KTM dengan seberapa cepat agar penumpang-penumpang atau rakyat negara boleh dapat satu perkhidmatan yang baik dari KTM.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam diamanahkan untuk melantik pegawai-pegawai yang layak dan berkeelayakan ke Perkhidmatan Awam kita. Jabatan Perkhidmatan Awam ini juga ditugaskan untuk menaikkan pangkat orang-orang yang berkeelayakan. Tetapi apa yang kita dapati sekarang ini perlantikan calon-calon oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ke jawatan-jawatan kosong dalam Kerajaan tidak mencerminkan kaum-kaum di negara kita. Begitu juga kenaikan pangkat. Baru-baru ini Jabatan Kastam di negeri Kedah memberi kenaikan pangkat kepada beberapa orang pegawai, tetapi saya dapati mengikut list yang saya dapat semuanya itu terdiri daripada satu kaum sahaja.

Begitu juga Jabatan Ukur di negeri Kedah. Untuk jawatan dalam Kumpulan 'D', banyak orang yang memohon dan saya sendiri memberi surat sokongan kepada yang memohon kerja itu. Tetapi di antara 22 orang ini tidak seorang pun yang saya dapati ataupun semuanya terdiri dari satu kaum sahaja. Jadi apabila pegawai-pegawai yang berkenaan melihat kedudukan dan keadaan ini, maka minat pegawai-pegawai yang bekerja dalam sesuatu Jabatan itu menjadi kurang dan

juga ini tidak baik untuk Perkhidmatan Awam kita. Jadi Jabatan Perkhidmatan Awam yang diamanahkan atau ditanggungjawabkan untuk melantik dan menaikkan pangkat pegawai-pegawai awam haruslah mengikut dasar-dasar. Kerajaan untuk memberi peluang kepada semua kaum.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong usul itu. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad.

5.45, ptg.

Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad: Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan ini bagi menyokong usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelapan pada 4hb Disember lalu.

Sebagai anggota baru Dewan yang mulia ini, saya terlebih dahulu ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa terima kasih saya kepada Kerajaan Negeri Sarawak di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Sri Datuk Patinggi Tan. Sri Haji Abdul Taib Mahmud kerana telah memberi kepercayaan kepada saya dipilih untuk menganggotai Ahli Dewan Negara bagi penggal ini. Saya menyedari perlantikan ini adalah satu tanggungjawab yang amat berat dan peranan yang sungguh mencabar sekali.

Selain daripada Ahli Parlimen Dewan Rakyat yang telah dipilih baru-baru ini, tugas saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dari Sarawak di Dewan yang mulia ini antaranya ialah untuk menjadi

penyambung lidah untuk menyampaikan masalah rakyat dari negeri Sarawak kepada pihak Pusat. Dengan adanya sokongan dan dorongan daripada rakyat dan Kerajaan Negeri Sarawak serta persefahaman daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tugas ini akan saya pikul dengan penuh amanah dan tanggungjawab, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, negara baru lepas menghadapi Pilihanraya Umm dan setiap rakyat telah diberi kebebasan untuk memilih wakil ke Parlimen untuk menyuarakan pendapat, hasrat dan masalah mereka selain daripada bertindak sebagai anggota penggubal dasar Undang-undang negara. Perlantikan diri saya sebagai Ahli Dewan Negara sebaik sahaja selepas Pilihanraya itu secara peribadi, saya rasa amat significant dan sungguh bermakna sekali. Ini kerana sebagai seorang yang terlibat dalam politik, azam dan semangat seorang selepas Pilihanraya selalunya segar dan cergas. Begitu juga dengan diri saya, apatah lagi kemenangan Barisan Nasional yang kita capai dalam Pilihanraya ini terutamanya bagi negeri Sarawak sungguh membanggakan sekali.

Dalam Pilihanraya yang lepas kita telah berdepan dengan satu keadaan yang belum pernah berlaku dalam sejarah politik Malaysia. Banyak ancaman politik telah kita terima daripada parti-parti lawan dan suasana yang tidak menentu juga kita rasai disebabkan berbagai kejadian berlaku sebelum Pilihanraya. Kadang-kadang kita sendiri pun berasa agak cemas sedikit oleh keghairahan politik yang berlaku di sekitar kita. Namun, alhamdulillah, akhirnya kita berjaya membuktikan kepada dunia bahawa kita masih utuh dan tetap kental terus menerima kepercayaan rakyat sekali pun kita, terpaksa melepaskan kuasa kepada dua negeri kepada pihak Pembangkang.

Dalam menghadapi suasana ini, saya amat berbangga dengan Sarawak yang sentiasa tenang dalam menghadapi keadaan sedemikian sungguhpun terdengar juga desasdesus yang kononnya kekuatan Kerajaan kita di peringkat negeri tergugat dan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan Barisan Nasional telahpun berubah. Tetapi berkat usaha gigih pemimpin dan rakyatnya, Sarawak akhirnya mencapai satu kemenangan besar dan dapat memberi keseimbangan politik terhadap negeri-negeri lain yang terpaksa melepaskan kerusi kepada parti lawan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara inilah yang harus diambil perhatian oleh Kerajaan Pusat agar membalas jasa baik jasa rakyat Sarawak dengan memberi lebih banyak peruntukan untuk meningkatkan tahap pembangunan negeri ini. Perkara itu harus diberi perhatian terutamanya apabila merumus pelan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Keenam yang akan dilancar tidak lama lagi.

Bukan itu sahaja, Kerajaan Pusat hendaklah sentiasa menyedari kenyataan bahawa Sarawak masih jauh tinggal ke belakang dari segi kemajuan berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung.

Satu aspek yang amat ketara sekali ialah daripada segi kemudahan prasarana jalanraya yang masih mundur. Saya memang menyedari hakikat bahawa Kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan taraf jalanraya di Sarawak sejak beberapa tahun yang lepas, tetapi malangnya hingga kini kerja-kerja melebar, menurap dan meluluskan jalanraya masih belum siap lagi. Masalah ini timbul disebabkan oleh beberapa orang kontraktor tempatan yang diberi tanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja berkenaan yang sebenarnya tidak mampu untuk menanggung beban kerja yang diberikan. Kita memang menyanjung tinggi niat Kerajaan untuk memberi kepercayaan kepada kontraktor-kontraktor ini untuk menjalankan kerja-kerja berkenaan, malangnya kegagalan mereka menyebabkan usaha pembangunan yang hendak kita laksanakan terbengkalai. Saya berharap Kementerian Kerjaraya mengambil langkah perlu untuk memperbaiki keadaan ini kerana akhirnya pihak yang menerima padah daripada gejala ini ialah rakyat yang benar-benar memerlukan kemudahan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam ucapan sulung saya ini untuk menyentuh mengenai pembinaan hospital baru Sibu. Saya mungkin gagal dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai anggota Dewan yang mulia ini sekiranya saya tidak mengemukakan masalah tersebut. Sebenarnya ini bukanlah soalan yang baru, ia merupakan perkara lama dan memang telah disuarakan oleh beberapa kali oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari bandar Sibu.

Barangkali atas rayuan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dan ditambah dengan keadaan pulihnya keadaan ekonomi negara kita sejak akhir-akhir ini, maka Kerajaan telah memberi lampu hijau bagi pembinaan projek tersebut. Setakat ini tapak pembinaan hospital itu sudahpun dijalankan, tetapi kerja-kerja utama pembinaan bangunan hospital yang mengandungi 700 katil masih ditangguhkan kerana masalah tertentu. Saya ingin mengulangi perkara ini sekalipun ia sudah beberapa kali dibangkitkan oleh rakan-rakan saya dan Kawasan Sibu juga, kerana soal kemudahan perubatan merupakan satu isu yang amat dekat sekali dengan masalah rakyat. Hospital Law King Howe di Sibu yang pada masa ini adalah hospital yang dibina sebelum ter-tubuhnya Malaysia. Dengan perkembangan yang berlaku dan bertambahnya jumlah penduduk, keperluan untuk menampungkan jumlah pesakit amat mendesak sekali. Saya harap Kerajaan mengambil perhatian serius mengenai perkara ini dan mencari jalan segera bagi melaksanakan projek itu agar ia tidak terbengkalai begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah melangkah ke era baru dekad 1990an dengan suasana yang aman damai, sekalipun di luar negara berlaku beberapa keadaan kacau-bilau. Ini berikutan pembubaran Parti Komunis Kalimantan Utara melalui satu perjanjian yang telah ditandatangani oleh pihak Kerajaan dan pemimpin gerakan itu di Kuching pada 17hb Oktober lalu. Selepas daripada itu, anggota kumpulan berkenaan yang terdiri daripada 50 orang telah keluar beramai-ramai dari hutan Kanowit dalam bahagian Sibu dan kawasan Bukit Tinjar dalam bahagian Miri pada 3hb November lalu, untuk memulakan hidup baru sebagai rakyat Malaysia yang lain. Bukan itu sahaja, sebagai salah satu syarat dalam perjanjian itu segala senjata buatan sendiri yang digunakan oleh anggota komunis dalam

kegiatan haram bawah tanah juga turut dimusnahkan. Maka dengan itu berakhirlah satu episod pemberontakan oleh parti komunis di negara ini. Dengan itu, Kerajaan sekarang dapat menumpukan perhatian yang digunakan untuk memerangi kegiatan haram bersenjata itu kepada usaha-usaha petubangunan, terutamanya di Sarawak dan juga para anggota Tentera dan Polis telahpun banyak berkorban tenaga, malah nyawa mereka dalam usaha untuk memulihkan suasana kacau-bilau ini kepada satu keadaan yang amah dan damai. Sekali lagi saya memohon kepada pihak Kerajaan agar mengambil kira soal ini dalam mengagihkan kemajuan kepada rakyat di negara ini. Beban dan derita yang mereka tanggung selama ini haruslah dibayar dengan memberi mereka satu jaminan yang lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua, seorang negarawan ulung dan putera bangsa tokoh Baba Merdeka, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj baru sahaja pergi meninggalkan kita untuk bersemadi di alam yang kekal. Kita berasa kehilangan satu mutiara yang telah mencacat sejarah Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan makmur. Kehilangan ini juga turut dirasai oleh rakyat Sarawak, terutamanya mereka daripada generasi tua yang bersetuju dengan gagasan memilih dan membentuk Malaysia. Ramai rakyat mulanya berasa ragu-ragu dengan konsep penubuhan Malaysia pada ketika itu. Ceritanya amat panjang sekali, biarlah ia berlalu sebagai satu peristiwa sejarah. Tetapi budibicara dan keramahan Almarhum Tunku yang amat lemah-lembut semasa berkempen untuk menarik sokongan penduduk Sarawak bagi menerima pembentukan negara ini pada waktu itu, itulah yang menjadi daya tarikan utama kepada majoriti rakyat menerimanya. Jasa-jasa Almarhum akan terus dikenang dan disanjung. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan segala jasa baik

terhadap rakyat dan bumi Sarawak akan terus disanjung. Saya seterusnya mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah Syed Alwi serta keluarga dan semoga mereka tabah menghadapi dugaan ini.

Bagi mengakhiri ucapan saya di Dewan yang mulia ini, sekali lagi saya menyokong agar Usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diterima. Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Adam bin Kadir: Ramai yang hendak berucap, tetapi saya rasa adil kita beri peluang bagi Ahli baru membuat ucapan sulungnya (maiden speech) dan kita hendak dengar Senator kita daripada Labuan, Yang Berhormat Tuan Isli.

5.58ptg.

Tuan Isli bin Haji Siput: Assalamualaikum warahmatullhi taala wabarakatuh. Tuan, Yang di-Pertua, saya, Isli bin Haji Siput, Ahli Dewan Negara daripada Wilayah Persekutuan Labuan yang baru dilantik pada 17hb November, 1990 dan mengangkat Sumpah pada 28hb November, 1990 turut memberikan ucapan dan sokongan ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 4hb Disember yang baru lalu sempena perasmian Penggal Pertama, Parlimen Kedelapan.

Yang menarik perhatian di dalam Titah Ucapan Baginda ialah kemampuan negara kita di dalam meningkatkan ekonomi negara yang menjulang tinggi ke atas kebijaksanaan Kerajaan di bawah pemerintahan Kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dasar-dasar Kerajaan di bawah pemerintahan Baginda telah bukan sahaja menjadikan negara kita maju dan makmur, malah menjadikan Malaysia juga terkenal di serata duhia.

Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kedelapan ini merupakan titik sejarah bagi saya khususnya serta penduduk Wilayah Persekutuan Labuan amnya. Ini adalah julung-julung kali wakil daripada Wilayah Persekutuan Labuan diberi penghormatan duduk di dalam Dewan yang mulia ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada saya dan saya berharap agar dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan ini dapatlah rakyat Wilayah Persekutuan Labuan berasa bangga ke atas keikhlasan Kerajaan Malaysia. Penghormatan pada rakyat Wilayah Persekutuan Labuan jelas menunjukkan bahawa dasar Kerajaan pada masa ini adalah adil dan saksama kepada setiap negeri di dalam Persekutuan berlandaskan kepada asas demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara ini. Sumbangan melalui perjuangan politik di atas prinsip-prinsip negara berparlimen di Malaysia tanpa mengira kaum ini amat penting di dalam menghapuskan ketidakseimbangan sosial politik di antara negeri-negeri di dalam Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab Kerajaan Persekutuan kepada rakyat tanpa memilih kasih sama ada rakyat di Semenanjung Sabah ataupun Sarawak di negara ini dapat dilihat dari dasar-dasar yang telah dirangka dan digubal di Dewan yang mulia ini. Satu demi satu dasar yang telah diluluskan bagi manfaat rakyat tanpa meninggalkan mana-mana negeri di dalam konteks ke arah bersama untuk kesejahteraan rakyat dan keseluruhan.

Sebagai salah sebuah wilayah yang termuda di dalam Kerajaan Persekutuan, Pulau Labuan adalah merupakan satu contoh yang jelas membuktikan kejujuran Kerajaan Persekutuan di dalam menjalankan dasar-dasar negara serta melaksanakan menurut kehendak Perlembagaan.

Kerajaan pada masa ini juga telah mentadbirkan segala urusan tersebut dengan tidak membelakangkan inspirasi rakyat yang datang dari negeri-negeri yang berbeza-beza idea politik dan fahaman lalu disatukan bagi tujuan kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan sebuah jabatan baru yang dinamakan Jabatan Pembangunan Persekutuan di Sabah yang diketuai oleh Pengarah Pembangunan Negeri. Di dalam rangka penyusunan semula jentera pentadbiran pembangunan, tanggungjawab utama Jabatan itu ialah bertujuan untuk merancang, menyelaras dan melaksanakan semua projek-projek Kerajaan Persekutuan. Dengan ini, meskipun negeri Sabah di bawah Kerajaan Negeri yang tidak sealian dengan Kerajaan Persekutuan, namun sebagai rakyat Malaysia, rakyat Sabah tetap diberi perhatian melalui pengwujudkan Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri tersebut. Sebagai wilayah yang berjiran dengan negeri Sabah, rakyat Labuan melihat perkembangan ini sebagai satu usaha yang amat baik dan berkesan dari proses demokrasi dan meningkatkan lagi siratulrahim di dalam konteks integrasi nasional di antara negeri-negeri di dalam Persekutuan terutama sekali Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Belanjawan negara yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada minggu lalu dengan jelas membuktikan bahawa kehendak rakyat bukan sahaja diambil kira kepada mana-mana negeri tertentu bahkan keseluruhan rakyat Malaysia. Belanjawan kali ini amat baik dan harus mendapat pujian daripada rakyat Malaysia amnya dan rakyat Labuan khususnya. Antara lain menghapuskan cukai import dan duti ke atas beberapa barangan yang dibawa masuk ke Pulau Labuan adalah satu contoh keikhlasan Kerajaan di dalam menyelesaikan kelembapan pertumbuhan

ekonomi di Pulau tersebut. Selain daripada itu, pengisytiharan Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang telah dibuat pada bulan Oktober lalu juga membuktikan bahawa Kerajaan Persekutuan telahpun melakukan satu peringatan di dalam merencanakan kemajuan rakyat agar setanding dengan negara-negara maju lain di dunia. Pandangan jauh Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang juga Perdana Menteri Malaysia adalah menghasilkan usaha yang tidak mengenal penat lelah, pemimpin demi memberikan kesejahteraan kepada rakyat di negara yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diumumkan, diketahui segala projek-projek pembangunan yang dilaksanakan adalah dibahagi dan agih-agihkan sama rata di antara negeri-negeri di dalam Persekutuan. Namun masih terdapat beberapa kelembapan yang dikira dapat diatasi sekiranya pendekatan yang lebih ditumpukan ke atas corak pengurusan yang sedia ada. Sebagai adik bungsu di dalam Persekutuan, Pulau Labuan amat memerlukan susunan sosia-ekonomi yang terancang dan flexible. Keadaan yang terdapat kini adalah kerana ia masih berada di peringkat penyelarasan dan ini menyebabkan beberapa usaha baik Kerajaan di dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan, Adalah diharapkan bahawa demi melicinkan lagi perancangan ini yang telah dirangka, Kerajaan Persekutuan digesa mewujudkan satu garis-panduan bidang kuasa agensi-agensi Kerajaan yang terlibat untuk pembangunan Pulau Labuan tersebut. Ini di bawah satu kuasa Eksekutif yang dapat mengimbangkan politik dan ekonomi agar kedua-dua arah dapat diputuskan di atas dasar dan objektif yang telah dipersetujui di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Ucapan Titah Baginda berhubungkait dengan Dasar Penswastaan, saya suka menarik perhatian yang mana Dasar Penswastaan ini adalah amat menguntungkan kepada rakyat kita di Malaysia terutama sekali kepada rakyat bumiputera yang telah dianggap masih lembab di dalam ekonomi pada masa ini, maka dalam soal ini saya perlu menegaskan sekali lagi, berapa ramaikah bumiputera kita yang telahpun mendapat penswastaan-penswastaan yang telah diberikan oleh agensi-agensi Kerajaan? Apakah juga Kerajaan Persekutuan dapat memberikan petunjuk kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang masih belum memberikan peluang kepada rakyatnya mengambilalih di dalam soal penswastaan agensi-agensi Kerajaan?

Saya sangat berminat di dalam soal mempersoalkan dasar penswastan ini. Tetapi oleh kerana memandangkan bahawa Kerajaan yang ada sekarang ini telah banyak memberikan peluang di dalam soal penswastan, maka saya harus mengucapkan sekali lagi tahniah kepada Kerajaan di bawah pimpinan, pemimpin agung kita agar dapat meneruskan dasar penswastan ini lebih meluas di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup ucapan sulung saya di Dewan yang mulia ini, saya ingin merakamkan sekali lagi ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri daripada seluruh rakyat Labuan di atas perlantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara ini yang pertama kali di dalam sejarah Labuan menjadi Wilayah Persekutuan. Maka dengan ini, saya menjunjung kasih dan menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong pada 4hb Disember, 1990. Sekian, assalamu'alaikum.

Tuan Adam bin Kadir: Sekali lagi kita akan mendengar maiden speech daripada Yang Berhormat Puan Ida Dumpangal.

6.13 ptg.

Puan Ida Dumpangal Nee Ida Undan [Sabah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini buat kali pertama. Saya amat menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen ini.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk membicarakan beberapa isu yang berkaitan dengan Titah Ucapan tersebut dengan harapan agar perkara-perkara ini nanti akan diambilkira dalam pelaksanaan program-program pembangunan tahun 1991 seperti yang terkandung di dalam Titah, Ucapan itu. Dengan ringkasnya saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini berhubung dengan beberapa isu wanita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Majlis Pembangunan Wanita Kebangsaan atau NACIWIT pada tahun 1979 merupakan satu kebanggaan bagi kaum wanita dan kemungkinan juga segelintir kaum lelaki di negara ini. Walau bagaimanapun, kita tidak sepatutnya terlalu berpuas hati atau menjadikan kewujudan badan tersebut sebagai pengukur untuk menilai tahap kejayaan integrasi wanita di dalam pembangunan. Ia merupakan petanda permulaan bagi kaum wanita, semangat wanita, untuk berjuang merebut peluang di dalam bidang yang pada masa ini dikuasai sebahagian ataupun sepenuhnya oleh kaum lelaki.

Di Sabah Kerajaan Negeri adalah committed kepada kebajikan wanita seperti yang terbukti melalui pembentukan Majlis Penasihat Wanita Sabah di bawah Jabatan Ketua Menteri yang bertujuan untuk menyelaras dan membantu pelbagai kumpulan wanita di Sabah. Sejak penubuhannya di dalam tahun 1989, Badan ini telah melakukan bermacam-macam aktiviti ke arah memperbanyakkan peluang bagi kaum wanita melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan sosio-ekonomi dan politik negeri. Di antara aktivitinya termasuklah Seminar mengenai Hak-Hak Hakiki Wanita di seluruh negeri dan penerbitan Buku Panduan Perniagaan untuk wanita.

Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan keperluan kaum wanita di Sabah untuk memperbaiki diri mereka dari segi sosial dan ekonomi melalui pelajaran. Dari itu aktiviti promosi kepentingan kaum wanita di Sabah ditumpukan di kawasan luar bandar di mana kadar buta huruf di kalangan wanita melebihi 50% berbanding dengan sejumlah 30% di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, objektif Dasar Wanita Negara yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun lalu tidak kurang pentingnya berbanding dengan objektif-objektif kebangsaan lain yang diilhamkan oleh Kerajaan Pusat. Sungguhpun ia amat menarik tetapi ianya tidak bererti seandainya ia tidak dilaksanakan untuk memenuhi kepentingan golongan sasarannya. Adalah menjadi harapan saya dan mungkin juga sebilangan besar Ahli di dalam Dewan yang mulai iai seandainya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab ke atas dasar negara mengenai integrasi wanita dalam pembangunan boleh berkongsi dan bekerjasama di antara satu sama lain.

Berhubung dengan apa juga langkah yang telah diambil untuk melaksanakan objektif-objektif dasar tersebut. Ini merupakan hal yang berkaitan dengan kepentingan awam yang mana tidak sepatutnya dipandang ringan. Oleh yang demikian, ia harus dibentangkan di dalam Dewan yang mulai ini. Di samping itu, Kerajaan juga akan memberi penekanan kepada latihan dan pengeluaran guru-guru mahir. Akan tetapi penekanan juga haruslah ditumpukan kepada guru-guru mahir kaum wanita khususnya memandangkan kaum wanita jauh ketinggalan dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, demi memudahkan pelaksanaan dasar yang penting ini undang-undang yang sesuai hendaklah dibentuk demi memastikan agar apa juga perkara yang tidak dipatuhi oleh majikan dan pelaksanaan dasar dapat diselesaikan. Saya telah difahamkan bahawa kaum lelaki dan wanita mendapat peluang-peluang yang sama rata dan begitu juga dengan faedah-faedah di bidang pekerjaan. Walau bagaimanapun, kebanyakan undang-undang (kalaupun tidak semuanya) yang dikenali sebagai undang-undang saksama atau equality, dengan izin, hanya terkandung di dalam undang-undang awam sahaja dan tidak khusus kepada wanita.

Pada pendapat saya, sepatutnya ada satu undang-undang khusus untuk mengendalikan masalah-masalah serupa ini seperti yang terdapat di negara-negara yang lebih maju daripada negara kita. United Kingdom sebagai contoh mempunyai Akta Diskriminasi Seks 1975, Akta Gaji Yang Sama 1970, Akta Perlindungan Pekerjaan 1975, Akta Pekerjaan Kanak-kanak Remaja dan Wanita 1970 dan Akta Pembayaran Berlebihan 1965 dan banyak lagi. Akta-akta ini menumpukan penyelesaian kepada masalah-masalah khusus dan ditujukan kepada golongan-golongan tertentu di mana dalam konteks ini ditujukan kepada kaum wanita. Undang-undang ini bukan sahaja memastikan kesaksamaan diamalkan tetapi juga memastikan yang ianya benar-benar dilaksanakan. Undang-undang yang baik menunjukkan akal fikiran yang sihat dan Kerajaan yang baik. Namun demikian, undang-undang itu hendaklah dikuatkuasakan sepenuhnya untuk memastikan undang-undang tersebut dipatuhi oleh kerana undang-undang yang banyak itu tidak berfaedah sekiranya tidak dilaksanakan dengan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengakui bahawa perubahan-perubahan telahpun dilakukan oleh Kerajaan sama ada di peringkat Pusat atau Negeri dan organisasi-organisasi sukarela untuk memberi pelajaran kepada kaum wanita secara keseluruhannya mengenai hak asasi mereka. Bagaimanapun, pemberian risalah, buku-buku dan bahan-bahan bertulis tidaklah mencukupi, terutama sekali kepada penduduk yang kadar buta-hurufnya tinggi. Dalam konteks ini, kaedah alternatif hendaklah digunakan untuk mencapai kaum wanita di luar bandar yang bukan sahaja tiada peluang untuk mendapat pelajaran tetapi juga tidak berkemampuan untuk memiliki radio dan televisyen. Dalam hubungan ini, amatlah dialu-alukan langkah Kerajaan untuk memberi tumpuan juga kepada integrasi kampung-kampung kepada bandar atau luar bandar selari dengan pembangunan bandar baru demi memupuk keharmonian di kalangan masyarakat dan saya yakin ini akan berfaedah kepada semua golongan, terutamanya kaum wanita di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, segala idea dan polisi yang telah dirancang itu tentu tidak akan berhasil tanpa sumber pembiayaan yang mencukupi. Jelas bahawa setiap projek atau aktiviti yang hendak dijalankan memerlukan bantuan kewangan. Kerajaan membelanjakan banyak wang untuk melaksanakan pelbagai projek di peringkat Kerajaan Negeri dan negara. Ada kalanya Tabung Kewangan Khas atau Akaun Amanah Khas dibentuk untuk tujuan ini. Projek-projek yang bertujuan untuk meringankan kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh kaum wanita juga tidak kurang pentingnya. Oleh yang demikian, dengan ikhlas hati saya memohon kepada Kerajaan untuk membentuk Tabung Amanah atau Akaun Amanah khasnya untuk keperluan organisasi-organisasi kaum wanita.

Banyak tabung dan akaun amanah telah ditubuhkan di bawah Akta Aturcara Kewangan 1957. Jadi, saya tidak faham mengapa tabung atau akaun amanah untuk integrasi wanita dalam pembangunan tidak boleh diwujudkan. Saya percaya bahawa organisasi-organisasi wanita di negara ini akan menyambut baik langkah Kerajaan ke arah ini.

Tuan Yang di-Pertua, hanya dengan tercapainya berbagai-bagai objektif seperti yang saya bincangkan tadi, barulah kaum wanita boleh meneruskan penyertaan mereka yang lebih aktif lagi di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, walaupun Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia telah menyelubungi berbagai aspek yang penting, namun satu isu yang saya fikir perlu diambilberatkan ialah langkah-langkah mengurangkan atau menghapuskan sama sekali penganiayaan kanak-kanak. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua supaya kanak-kanak terlindung daripada kejadian yang kejam ini. Dan dengan ini saya menyokong penuh beberapa Ahli yang mengemukakan perkara ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak tahu berapa orang Ahli yang berminat bercakap. Enam orang, ya, sebab kita hendak sambung sampai pada hari esok dan kita akan memperuntukkan waktu yang secukupnya. Walaupun kita tinggal 5 minit lagi, saya rasa ada seorang lagi tentang maiden speechnya. Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail hendak bercakap atau sudahpun bercakap sebelum daripada ini?

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Sudah bercakap tetapi belum lagi atas Usul ini.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Sudah bercakap atau belum di Dewan?

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Sudah bercakaplah.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Sudah bercakap. Jadi, nampak sangat orang dekat saya ini ghairah hendak bercakap dan saya jemputlah Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay. Dipersilakan.

6.25 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang. Saya bangun untuk memohon izin supaya membenarkan saya mengambil bahagian dengan menyokong usul ucapan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Kelapan, baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan dalam Dewan pada petang ini untuk mengucapkan tahniah kepada saudara Senator Dato' Chan Choong Tak, rakan seperjuangan saya dalam Dewan ini kerana telah dilantik baru-baru ini sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Moga-moga dengan perlantikan Yang Berhormat Senator Dato' Chan Choong Tak bahawa Dewan ini akan dijalankan dengan lebih licin dan kami tetap akan memberi sokongan yang sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga petang ini mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana melaksanakan tugasnya dengan begitu licin dalam pilihanraya umum yang lalu. Begitu juga kepada Polis DiRaja Malaysia. Kelicinan dan keadilan tugas tersebut membuktikan bahawa Kerajaan masih berpegang kepada demokrasi yang tulen, sekaligus menangkis tohmah dan anggapan parti Pembangkang bahawa negara ini tidak ada demokrasi lagi, dan kita di Barisan Nasional akan terus mengamalkan ketulenan demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Laporan Pemerhati-pemerhati daripada negara-negara Komanwel membuktikan dengan jelas bahawa Suruhanjaya Pilihanraya adalah satu badan bebas dan pilihanraya umum dijalankan mengikut peraturan dan lunas-lunas demokrasi yang sebenarnya di mana hak dan kebebasan rakyat terus dijamin oleh Perlembagaan, keadilan dipelihara dan dipertahankan mengikut sistem perundangan yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya suka menyentuh dalam usaha Kerajaan mempertingkatkan perpaduan dan mengekalkan keamanan dan keharmonian. Saya ingin menjelaskan sedikit maklum balas yang saya terima bahawa daripada segolongan kaum Tionghua di luar bandar tidak mendapat penerangan yang jelas berhubung dengan dasar-dasar Kerajaan. Keadaan yang samar-samar itulah menyebabkan mereka sangat mudah terpengaruh dan dikelirukan oleh kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat panjang lagi ucapannya. Kalau boleh, sambung besok?

Tuan Ng Peng Hay: Boleh.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya mengambil nama lima orang lagi tadi, kerana takut terlupa esok iaitu Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak, Yang Berhormat Tuan Itam Wali bin Nawan, Yang Berhormat Tuan C. Krishnan, Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah binti Che Mat dan Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah hampir 6.30 petang. Dewan ini ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.